

ADAT NGULIT DALAM MASYARAKAT KAUM
ORANG IBAN DI SARAWAK. KAJIAN KES: TUAI
RUMAH LENUS, NANGA RANAN, KANOWIT

ALEXTHA BELAWAN ANAK RUYAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN

2022



**ADAT NGULIT DALAM MASYARAKAT KAUM
ORANG IBAN DI SARAWAK. KAJIAN KES: TUAI
RUMAH LENUS, NANGA RANAN, KANOWIT.**

OLEH:

ALEXTHA BELAWAN ANAK RUYAN

Pojek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan
Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*


TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



Tandatangan Penyelia Utama



ALEXTHA BELAWAN ANAK
RUYAN

DR. NORAZLINDA BT MOHAMED ROSDI

Tarikh: 22/2/2022

Tarikh: 28/02/2022

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS CERTIFICATE

I hereby certify that the work contained in this thesis is the result of original research and has never been submitted by a higher degree to any University or institution..

OPEN ACCESS I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)


CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972)*

RESTRICTED (Contains limited information set by the organization where the research is conducted)*

I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan has the following rights:

1. Thesis is the property of Universiti Malaysia Kelantan.
2. Universiti Malaysia Kelantan Library has the right to make copies for study purposes only.
3. Libraries are allowed to make copies of this thesis as exchange material between educational institutions

Signature



Signature of Principal Supervisor



ALEXTHA BELAWAN ANAK
RUYAN

DR NORAZLINDA BT MOHAMED ROSDI

981126135041

IC/PASSPORT NO

Date: 22/2/2022

DR NORAZLINDA BT MOHAMED ROSDI

NAME OF SUPERVISOR

Date: **28/02/2022**

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Salam sejahtera dan salam menjulang Sarawak sebagai pembuka kata bicara kepada anda semua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan Yang Esa kerana dengan izin-Nya, maka kajian ini berjaya dihasilkan.

Setinggi-tinggi penghargaan saya berikan kepada Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi kepercayaan yang penuh kepada saya dalam melaksanakan kajian ini walaupun menempuhi pelbagai cabaran dan dugaan. Oleh itu, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada penyelia kajian saya iaitu Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi yang telah banyak membimbing saya dalam menyiapkan kajian ini.

Saya juga berterima kasih kepada panel iaitu Dr. Suraya Binti Sukri dan Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan kerana telah banyak memberi nasihat dan komen mengenai kajian saya ketika proses pembentangan. Setinggi-tinggi sanjungan dan penghargaan saya kepada ibu bapa saya iaitu Encik Clement Anak Andah dan Puan Miri Anak Ngalang yang banyak berkorban tidak kira dari segi tenaga dan kewangan disamping memberikan motivasi sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhir kalam, tidak dapat dilupakan ucapan terima kasih kepada penduduk kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit kerana sudi memberikan maklumat yang lebih terperinci sekaligus dapat membantu saya menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada sahabat-sahabat perjuangan saya kerana banyak memberi sokongan moral dan nasihat dalam meningkatkan keyakinan saya semasa melakukan kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ADAT NGULIT DALAM MASYARAKAT KAUM IBAN DI SARAWAK
KAJIAN KES: TUAI RUMAH LENUS, NANGA RANAN, KANOWIT,
SARAWAK

ABSTRAK

Penelitian kajian ini merupakan kajian berdasarkan di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit yang bertujuan untuk mengetahui bagaimana adat 'ngulit' atau adat kematian dilaksanakan di kawasan rumah panjang tersebut selain bertujuan mengkaji pantang larang yang diamalkan oleh penduduk rumah panjang tersebut sepanjang tempot adat 'ngulit' ini dilaksanakan. Selain daripada itu, kajian yang dijalankan ini dapat membincangkan langkah pemeliharaan dan pengekalan adat ini dalam masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit Sarawak. Tiada sumber yang jelas yang dapat menyatakan kewujudan asal usul masyarakat Iban. Akan tetapi, melalui tradisi lisan masyarakat Iban yang diceritakan dari mulut ke mulut yang diturunkan dari generasi ke generasi mempercayai bahawa kewujudan asal usul masyarakat Iban bermula di sebuah tapak yang dikenali sebagai Tampun Juah. Ini kerana banyak bukti kewujudan sebuah kerajaan Dayak purba dibawah pemerintahan 'Orang Panggau Libau' (Dewa Dewi Masyarakat Iban) ribuan tahun yang lalu. Tapak ini berdekatan sempadan Kampung Mongkos Serian Sarawak dan Kampung Segumon Kalimantan Barat. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan menggunakan teori pendekatan moral. Kajian ini juga menggunakan kaedah pengumpulan data melalui temubual, data primer, data sekunder dan persampelan 'snowball'. Hasil daripada data yang diperolehi membolehkan pengkaji mengetahui dengan lebih mendalam mengenai adat ini. Pada akhir bab ini, pengkaji akan menjelaskan pandangan dan cadangan kepada beberapa pihak khususnya dalam melestarikan adat 'ngulit' ini terus dipertahankan.

Kata Kunci: Sarawak, Masyarakat Iban, Adat 'Ngulit', pemeliharaan dan pengekalan

**‘NGULIT’ CUSTOMS IN IBAN SOCIETY IN SARAWAK. CASE STUDY:
TUAI RUMAH LENUS, NANGA RANAN, KANOWIT, SARAWAK**

ABSTRACT

This research is located near the longhouse of Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit which aims to find out how the custom of 'ngulit' or custom of death is implemented in the longhouse as well as to study the taboos practiced by the residents of the longhouse throughout the period of 'ngulit' custom. Apart from that, this research also discuss the preservation and practice of this custom in the Iban community at Tuai Rumah Lenus longhouse, Nanga Ranan, Kanowit Sarawak. There is no clear source that can state the existence of the origin of the Iban community. But, through the oral traditions of the Iban community narrated by passed down from generation to generation believing that the existence of the origins of Iban community began at a site known as Tampun Juah. This is because there are a lot of evidence about the existence of an ancient Dayak kingdom under the rule of 'Orang Panggau Libau' (Dewa Dewi Masyarakat Iban) thousands years ago. This site is near the border of Kampung Mongkos Serian Sarawak and Kampung Segumon West Kalimantan. The method been used in this study is a qualitative method using the theory of moral approach. This study also uses data collection methods through interviews, primary data, secondary data and snowball sampling. The results from the data allow researcher to get more knowledge about this custom. At the end of this chapter, the researcher will explain the views and suggestions to some parties, especially in preserving the custom of 'ngulit'.

Keywords: Sarawak, Iban community, Adat 'Ngulit, preserve and practice

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

| | HALAMAN |
|--------------------------------|----------------|
| PERAKUAN TESIS | i |
| THESIS DECLARATION | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| ISI KANDUNGAN | vi |
| SENARAI GAMBAR | x |
| GAMBAR CARTA | xii |
| | |
| BAB I PENDAHULUAN | |
| | |
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 7 |
| 1.3 Objektif Kajian | 9 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 9 |
| 1.5 Skop Kajian | 10 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 10 |
| 1.7 Kerangka Teori | 10 |
| 1.8 Kesimpulan | 11 |

BAB II KAJIAN LITERATUR

| | | |
|-----|--|----|
| 2.0 | Pengenalan | 13 |
| 2.1 | Adat Ngulit Masyarakat Iban Di Sarawak | 16 |
| 2.2 | Peranan Tukang Sabak Dalam Adat Kematian Masyarakat Iban | 18 |
| 2.3 | Peranan Tuai Rumah Dalam Adat Kematian Masyarakat Iban | 19 |

BAB III METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|-------------------------|----|
| 3.0 | Pengenalan | 21 |
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian | 22 |
| | 3.1.1 Kajian Lapangan | 25 |
| | 3.1.2 Temu Bual | 25 |
| | 3.1.3 Golongon Sasaran | 26 |
| 3.2 | Teknik Pengumpulan Data | 26 |
| | 3.2.1 Data Primer | 26 |
| | 3.2.2 Data Sekunder | 27 |
| 3.3 | Persampelan Kajian | 27 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 28 |
| | 3.4.1 Alat Bantu Kajian | 28 |
| 3.5 | Analisis Kajian | 29 |
| 3.6 | Kesimpulan | 30 |

BAB IV DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|--|----|
| 4.0 | Pengenalan | 31 |
| 4.1 | Analisis Temubual Responden | 33 |
| 4.2 | Dokumentasi | 34 |
| 4.3 | Dapatan Kajian | 35 |
| | 4.3.1 Adat ' <i>Ngulit</i> ' Dalam Masyarakat Iban di Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit | 35 |
| | 4.3.2 Pantang Larang Sepanjang Adat Ngulit Dilaksanakan Di Rumah Panjang Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. | 44 |
| | 4.3.2 Langkah Pemeliharaan Dan Pengekalan Adat Dalam Masyarakat Kaum Orang Iban Di Kawasan Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Lenus, Nanga Ranan, Kanowit | 58 |

BAB V PENUTUP

| | | |
|-----|---|----|
| 5.0 | Pengenalan | 66 |
| 5.1 | Perbincangan | 67 |
| | 5.1.1 Atur Cara Adat Ngulit Dilaksanakan Di Kawasan Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus | 68 |
| | 5.1.2 Pantang Larang Yang Diamalkan Sepanjang Tempoh Adat Ngulit Dilaksanakan Di Kawasan Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus | 69 |
| | 5.1.3 Langkah Untuk Memelihara Dan Pengekalan Adat Dalam | |

| | | |
|-----|---|----|
| | Masyarakat Kaum Iban Di Kawasan Rumah Panjang Tuai | |
| | Rumah Lenus | 70 |
| 5.2 | Cadangan Dan Saranan | 71 |
| | 5.2.1 Cadangan Di Peringkat Masyarakat | 72 |
| | 5.2.2 Cadangan Di Peringkat Sekolah | 72 |
| | 5.2.3 Cadangan Di Peringkat Kerajaan | 73 |
| | 5.2.4 Penambahan Informasi Yang Lebih Banyak Mengenai Atur Cara Dan Maklumat Mengenai Sesuatu Adat Iban. | 74 |
| | 5.2.5 Menggunakan Kaedah Kuantitatif | 74 |
| 5.3 | Kesimpulan | 75 |
| | BIBLIOGRAFI | 80 |
| | LAMPIRAN | 84 |

SENARAI GAMBAR

| NO.GAMBAR | | HALAMAN |
|-----------|---|---------|
| GAMBAR 1 | Pengkaji Di Kawasan Rumah Panjai Tuai Rumah Lenus | 36 |
| GAMBAR 2 | Pengkaji Menemubual Tuai Rumah | 37 |
| GAMBAR 3 | Pengkaji Berada Di ' <i>Langkau Ulit</i> ' Yang Dibina Dengan Kayu Belian Dan Berusia Lebih Dari 50 Tahun | 39 |
| GAMBAR 4 | Keluarga Terdekat Si Mati Berkumpul Di Ruang Tamu Untuk Sembahyang Rosary | 40 |
| GAMBAR 5 | <i>Ketuai Ulit</i> Duduk Di Atas <i>Tawak</i> Sambil Menunggu Ketibaan Tetamu Untuk Upacara <i>Ngetas Ulit</i> | 40 |
| GAMBAR 6 | <i>Ketuai Ulit</i> Menggantung <i>Tali Ulit</i> Yang Dipakai Pada Lengan Kanan | 41 |
| GAMBAR 7 | Sedekah, Darah Ayam, Air Kudus Dan <i>Tali Ulit</i> Yang Telah Dibungkus Di Dalam Plastik | 42 |
| GAMBAR 8 | Upacara <i>Ngetas Ulit</i> | 42 |
| GAMBAR 9 | Peralatan <i>Ngetas Ulit</i> | 43 |
| GAMBAR 10 | Sukarelawan Rela Kanowit Memastikan SOP Diamalkan Semasa Upacara <i>Ngetas Ulit</i> Di Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus | 44 |
| GAMBAR 11 | Buku Adat Iban 1993 | 46 |
| GAMBAR 12 | Pendam (Kubur) Lama Iban | 47 |

| | | |
|-----------|---|----|
| GAMBAR 13 | Pendam (Kubur) Baru Iban | 47 |
| GAMBAR 14 | Pengkaji Sedang Menemu Bual Encik Christopher John | 55 |
| GAMBAR 15 | Masyarakat Iban Menyambut <i>Hari Gawai Antu</i> | 56 |
| GAMBAR 16 | Tarian Ngajat Untuk Menyambut Kedatangan Tetamu Ke Rumah Panjang | 61 |
| GAMBAR 17 | Pengkaji Sedang Menemubual Ijan | 62 |
| GAMBAR 18 | Pengkaji Sedang Menemubual Matthew Larry | 63 |
| GAMBAR 19 | Pengkaji Menemubual Alex | 64 |

SENARAI CARTA

| NO RAJAH | | HALAMAN |
|----------|----------------------------|---------|
| CARTA 1 | Rangka Kaedah Digunakan | 21 |
| CARTA 2 | Carta Aliran Proses Kajian | 22 |

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Seperti yang sedia maklum, negara Malaysia hidup dalam masyarakat majmuk kaum, etnik, bangsa dan kelompok. Negara Malaysia juga turut menjadi salah satu tempat tarikan pelancong kerana keunikan budaya yang ada di negara ini. Oleh itu, terdapat pelbagai adat, amalan serta kepercayaan yang diamalkan mengikut adat tradisi masing-masing. Sebagai contoh, adat kematian, adat perkahwinan dan adat bersalin yang diamalkan atau dipersembahkan dengan cara yang berlainan.

Menurut Jalulaluddin Tunsam yang merupakan seorang berbangsa Arab dan menetap di Aceh (1660), adat berasal dari perkataan Arab yang bererti cara atau kebiasaan. Adat juga telah diamalkan dan diwarisi secara turun-tumurun sejak dari nenek moyang lagi. Dalam bidang warisan budaya pula, adat dikategorikan sebagai warisan tidak ketara. Hal ini kerana warisan tidak ketara merupakan satu amalan yang tidak dapat dilihat melalui mata kasar tetapi dapat dirasai.

Warisan merujuk kepada sesuatu benda, harta atau peninggalan artifak yang akan diwarisi dan diturunkan secara turun-temurun kepada generasi seterusnya. Perkataan warisan berasal dari Bahasa Arab iaitu 'al-miirats' yang bermaksud berpindahnya

sesuatu daripada seseorang kepada orang lain atau dari suatu kaum ke kaum yang lain. Pada umumnya, warisan budaya terdiri dua bahagian utama iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan ketara merujuk kepada benda yang kekal dapat kita lihat melalui mata kasar, di sentuh dan dapat dipegang sama ada statik atau mudah alih seperti tapak bersejarah, monument, bangunan bersejarah atau sesuatu yang tidak boleh dipindahkan. Manakala, mudah alih pula merujuk kepada peninggalan artifak bersejarah yang boleh dipindahkan. Selain itu, warisan tidak ketara pula merujuk kepada warisan tidak nyata, benda yang tidak dapat dilihat tetapi dapat dirasai seperti kepercayaan, ritual dan seni persembahan.

Budaya merujuk kepada cantuman dua perkataan iaitu '*buddhi*' dan '*daya*'. Perkataan '*Buddhi*' dipinjam daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud kecerdasan fikiran dan akal dan perkataan '*Daya*' pula merujuk kepada tenaga fikiran yang menentukan pola kelakuan masyarakat. Menurut E.B Taylor (1871), beliau mencatat di dalam bukunya dalam bukunya '*Primitive Culture*', kebudayaan ialah satu keseluruhan sistem yang kompleks, di dalamnya terkandung unsure-unsur pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat istiadat. Masyarakat yang mempunyai tahap pemikiran yang tinggi akan melahirkan corak hidup yang tinggi yang dicerminkan oleh sistem budaya sama ada berbentuk material ataupun bukan material. Manusia dan kebudayaan merupakan salah satu ikatan yang tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, manusia mencipta kebudayaan mereka sendiri dan melestarikannya secara turun-temurun.

Negara kita Malaysia mempunyai banyak peninggalan barang bersejarah dan juga tapak bersejarah seperti Lembah Bujang, Lembah Lenggong, Gua Niah, Bukit Tengkorak, Gunung Kinabalu dan sebagainya. Warisan budaya ketara ini juga turut menjadi tumpuan para pelancong terutamanya dari luar negara dan sekaligus menambah pendapatan ekonomi di negara kita. Tambahan pula, negara kita Malaysia mempunyai banyak warisan tidak ketara kerana kita hidup dalam masyarakat majmuk. Oleh itu, warisan budaya tidak ketara ini masih lagi diamalkan terutamanya dalam adat, pantang larang dan kepercayaan. Ini kerana banyak yang masih percaya bahawa

jika melanggar atau mengingkari pantang larang yang telah ditetapkan akan membawa bala atau malapetaka kepada keluarga tersebut.

Pengekekalan warisan budaya perlu diambil berat oleh semua masyarakat. Hal ini kerana warisan budaya melambangkan identiti sesebuah negara. Sebagai contoh, amalan budaya tradisional kita melambangkan sifat majmuk masyarakat. Misalnya, keunikan pakaian tradisional pelbagai kaum, makanan tradisional dan sambutan hari perayaan bagi setiap kaum yang disambut secara bersama tanpa mengira bangsa dan agama. Dengan ini, maka jelaslah bahawa ia telah memupuk semangat perpaduan negara kerana masyarakat di Malaysia saling kunjung-mengunjungi dan mengadakan rumah terbuka terutamanya pada hari kebesaran serta merayakannya secara bersama.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia yang terletak di Pulau Borneo yang juga merupakan pulau ketiga yang terbesar di dunia. Di Sarawak juga terdapat bukti penempatan manusia lebih 35000 tahun yang lalu dan dianggap sebagai penemuan penempatan manusia yang tertua di Asia Tenggara. Buktinya, penemuan rangka-rangka manusia seperti tulang-tulang manusia, tengkorak, tapak perkuburan dan kapak yang diperbuat daripada batu di Gua Niah, Miri.

Selain itu, asal usul nama Sarawak juga dipercayai berasal daripada nama Sungai Sarawak yang terdapat di bandar Kuching. Penduduk setempat di Sarawak menyatakan bahawa nama Sarawak berasal daripada perkataan ‘serah kepada awak’ kerana negeri itu diserahkan oleh Pangeran Muda Hasyim kepada James Brooke pada tahun 1841. Namun, pada 16 September 1963, Sarawak telah diisytiharkan sebagai sebuah negeri di Malaysia oleh perdana menteri yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj atau dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan.

Masyarakat Iban merupakan satu bangsa Dayak Laut yang kebanyakannya tinggal di Sarawak. Masyarakat Iban juga terkenal dengan slogan 'Agi Idup Agi Ngelaban' yang bermaksud berjuang berhabis-habisan sehingga ke garisan penamat. Mereka tinggal di kawasan rumah panjang yang mana ia terdiri daripada berpuluh-puluh rumah. Kaum Iban amat berpegang kepada hukum adat, pantang larang, tolak ansur dan berteraskan perhubungan persaudaraan yang erat antara satu sama lain. Sebagai contoh, hukum adat yang diamalkan oleh kaum Iban adalah adat kematian. Oleh itu, pelbagai pantang larang dan tatacara yang dituruti kerana mereka mempunyai kepercayaan yang mana jika mereka tidak melaksanakan seperti yang telah ditetapkan mereka akan ditimpa malapetaka dan nasib malang dan roh si mati juga tidak tenteram.

Kaum Iban di Sarawak mendirikan rumah panjang mereka di kawasan sungai kerana sungai merupakan punca utama mereka untuk meneruskan kehidupan. Melalui sungai juga mereka memperoleh sumber makanan, sumber protein dan memudahkan urusan harian mereka. Sungai juga merupakan jalan utama mereka untuk menghubungkan antara sebuah rumah panjang ke rumah panjang yang lain. Di samping itu, cara hidup mereka di rumah panjang mengamalkan struktur kepimpinan yang bercorak demokratik yang diketuai oleh Tuai Rumah. Justeru itu, setiap rumah panjang di Sarawak akan mempunyai Tuai Rumah atau Ketua Rumah dalam menjaga keamanan rakyat di rumah panjang tersebut.

Secara amnya, masyarakat Iban di Sarawak pada zaman dahulu tidak mempunyai atau menganuti sebarang agama melainkan berpegang kuat kepada ajaran animisme. Masyarakat Iban juga berpegang kuat terhadap kepercayaan tradisional mereka seperti upacara '*miring*' bagi mengelakkan berlakunya sebarang bencana alam atau nasib buruk. Upacara adat ini akan dilaksanakan terutamanya pada hari perayaan Hari Gawai Dayak atau *Sandau Ari*. Menurut suku kaum Iban, ia dilakukan bagi menghormati dan memberi kesyukuran *petara*, roh dan nenek moyang mereka. Selain itu, masyarakat Iban juga sangat patuh terhadap pantang larang yang telah dipraktikkan oleh nenek moyang mereka hingga ke hari ini terutamanya yang masih lagi tinggal di kawasan rumah panjang. Ini kerana mereka beranggapan bahawa akan

berlakunya malapetaka atau nasib buruk jika tidak mematuhi atau melanggar pantang larang.

Masyarakat Iban telah mempunyai konsep kebudayaan yang dapat kita ungkapkan dengan istilah adat. Ini kerana masyarakat Iban amat terikat dengan adat dalam melakukan sesuatu perkara dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai contoh, adat bertani, adat perkahwinan, adat *miring* dan adat kematian yang masih lagi diamalkan oleh masyarakat Iban hingga ke hari ini. Justeru itu, setiap upacara yang dilakukan oleh masyarakat Iban untuk memberi kesyukuran atau berterima kasih kepada Tuhan mereka iaitu '*Petara*' terutamanya setelah tamat menuai padi.

Sehingga ke hari ini, buku ataupun dokumen yang dapat menerangkan dengan lebih tepat tentang kedatangan kaum Iban. Mereka percaya bahawa bangsa Iban berasal daripada Batang Kepuas, Kalimantan Indonesia. Selain itu, ramai juga masyarakat Iban percaya bahawa tempat asal ataupun tempat keramat orang Iban berasal dari 'Temawai Tampun Juah'. Mereka mengatakan bahawa terdapat tiga buah rumah panjang yang diketuai oleh *Sengalang Burung* yang merupakan dewa bagi masyarakat orang Iban. *Sengalang Burung* ini merupakan salah satu dewa berasal dari *Panggau Libau* yang dipercayai mempunyai kuasa sakti atau kuasa yang kuat pada ketika itu. Temawai Tampun Juah ini dahulu dikatakan berada di Kapuas Tengah ataupun dikenali sebagai Kalimantan Barat, Indonesia pada masa sekarang.

Namun, hubungan masyarakat Iban dengan *Sengalang Burung* tidak bertahan lama setelah berlakunya satu konflik yang besar. Hal ini kerana dikatakan berlakunya perebutan *pengaroh* atau kuasa kerana tidak mahu mengalah sesama sendiri. Hal ini telah menyebabkan orang *Panggau Libau* telah berpisah dengan orang Iban buat selamanya di dunia ini. Oleh itu, masyarakat Iban akan melakukan atau menyambut upacara *miring* setiap tahun bagi berterima kasih terhadap orang *Panggau Libau* kerana telah banyak menolong mereka pada ketika itu. Ramai juga percaya bahawa orang *Panggau Libau* seperti *Sengalang Burung*, *Keling*, *Kumang* dan *Bungai Nuing* masih lagi hidup hingga ke hari ini.

Setiap kematian yang berlaku mesti ada cara atau adatnya yang tersendiri dalam mengendalikan atau mengembumikan mayat atau orang yang telah meninggal dunia mengikut adat tradisi yang telah diamalkan masing-masing. Masyarakat kaum Iban di Sarawak sememangnya kaya dengan adat amalan pantang larang yang telah diamalkan oleh nenek moyang dan masih lagi diwarisi sehingga kini terutamanya yang masih lagi mengamalkan agama animisme. Selain itu, terdapat juga proses semasa pengembumian iaitu sebelum mayat dikebumikan, ia akan diletakkan di dalam keranda dan diiringi dengan barang si mati. Keranda tersebut diperbuat dari kayu yang bermutu tinggi atau tahan lama dan kukuh serta dihias menggunakan ukiran tradisional Iban. Seterusnya, keranda tersebut akan ditutup rapat dan ia dibawa ke tanah perkuburan untuk dikebumikan sebelum terbitnya matahari.

Setelah tiba di tanah perkuburan, masyarakat Iban akan menjalankan satu upacara kecil iaitu dengan menyembelih ayam sebelum menjalankan kerja-kerja menggali lubang kubur. Darah ayam ini akan diusapkan atau disiramkan ke atas kawasan kubur tersebut untuk dijadikan sebagai '*ngeselan*' tanah bagi menghalang daripada sebarang gangguan roh jahat yang akan mengganggu mereka semasa menjalankan proses pengebumian itu nanti.

Masyarakat Iban di Sarawak akan melakukan upacara *ngulit* jika ada berlakunya kematian. Hal ini kerana mereka percaya bahawa jika upacara *ngulit* ini tidak dilaksanakan, maka akan berlaku nasib malang atau malapetaka yang akan menimpa serta roh si mati juga tidak tenteram. Selain itu, ia juga dianggap sebagai satu penghormatan kepada keluarga si mati atas pemergian orang yang mereka sayangi di dunia ini. Dalam masyarakat Iban, mereka percaya bahawa orang yang mati ini akan berada di alam yang baru yang disebut sebagai alam *sebanan*. Menurut Clifford Sather (2012), masyarakat Iban percaya dunia ini diciptakan oleh semangat yang dipanggil *petara*. Mereka percaya bahawa *petara* inilah yang mengawal dunia dan semesta. Dalam kosmologi masyarakat Iban terbahagi kepada tiga iaitu, *panggau libau*, *mandai idup* dan *mandai mati*.

Kebiasaanya tempoh berkabung ataupun *ngulit* berlangsung selama dua minggu ataupun satu bulan sahaja. Semasa tempoh berkabung, kesemua kegiatan suka ria tidak dibenarkan di dalam rumah panjang tersebut. Sebarang bentuk hiburan seperti televisyen dan radio juga tidak dibenarkan untuk dimainkan. Setelah tamat tempoh berkabung, seorang yang berstatus tinggi yang sudah berumur akan dijemput untuk melakukan upacara *ngetas ulit* ataupun penutup tempoh berkabung. Upacara ini akan dilakukan sebelum matahari terbit atau sesudah matahari terbenam dengan niat agar dikurniakan *celap lindap* atau kesejukan kepada keluarga tersebut. Upacara ngetas ngulit ini akan dijalankan bergantung ditempat kematian tersebut kerana tidak semua orang Iban akan melakukan upacara ngetas ulit pada waktu yang sama.

Akhir sekali, adat ngulit ini memang patut diwarisi dan golongan muda harus mempelajari adat, amalan dan pantang larang dalam adat *ngulit* agar ia dapat dipertahankan dan dipelihara. Walaupun kita semua sudah mempunyai agama masing-masing, tetapi pantang larang harus dipatuhi dan dipraktikkan kerana ia memberi banyak kebaikan. Teknologi-teknologi yang sedia ada pada masa kini haruslah digunakan dengan baik kerana ia dapat dijadikan sebagai satu platform atau medium dalam memastikan kelangsungan adat ini agar dipelihara. Dengan ini, ia akan dapat mendorong generasi muda memahami identiti sesuatu budaya dan menghargai nilai-nilai murni yang telah ditetapkan sejak dahulu lagi.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Adat '*Ngulit*' atau kematian dalam masyarakat kaum Iban di Sarawak semestinya mempunyai tatacara yang tersendiri. Walaupun kita sekarang berada di abad ke-21, namun adat '*Ngulit*' atau kematian ini harus dipelihara atau diwarisi agar tidak dilupakan seperti mana yang telah dipraktikkan oleh nenek moyang mereka. Sehubungan dengan itu, mereka percaya jika adat '*Ngulit*' ini tidak diamalkan, maka terjadilah malapetaka atau musibah dalam keluarga tersebut.

Selain itu, berlakunya ketidakpedulian generasi kini terhadap adat '*ngulit*' dalam kalangan masyarakat Iban yang telah memberi kesan negatif kepada semua kaum atau bangsa dalam pengamalan adat dan pantang larang. Hal ini kerana masyarakat pada kini mempunyai agama tersendiri dan amalan adat serta pantang larang telah ditinggalkan serta tidak diwarisi lagi.

Seterusnya, ketulenan adat yang tidak dititikberatkan dalam kalangan masyarakat Iban pada masa kini. Kini, arus permodenan yang pesat telah banyak memberi kesan negatif terhadap warisan dan budaya, terutamanya dalam upacara '*Nyabak*' yang lebih dikenali sebagai '*Tukang Sabak*' di mana si '*tukang sabak*' ini akan menangi si mati ke dunia '*Sebayan*' sebelum pengembumiannya.

Terdapat juga faktor lain yang mendorong kepada permasalahan kajian ini seperti perubahan demografi. Ini kerana perubahan demografi yang berlaku di suatu kawasan atau daerah biasanya akan bertambah dan mengakibatkan terjadinya perubahan terhadap pelbagai sektor kehidupan. Sebagai contoh, bidang ekonomi, pertumbuhan penduduk yang akan mempengaruhi persediaan keperluan makanan, pakaian, dan kediaman. Dengan ini, jelaslah bahawa perubahan demografi turut memberi kesan terhadap berlakunya perubahan budaya atau adat akibat daripada perpindahan dari sesuatu tempat ke tempat yang lain.

Di samping itu, konflik sosial juga turut mendorong kepada permasalahan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana konflik sosial mempengaruhi perubahan kebudayaan dalam suatu kelompok masyarakat tertentu. Misalnya, konflik kepentingan antara kaum pendatang dengan penduduk setempat di daerah transmigrasi.

Akhir sekali, perubahan lingkungan alam turut mendorong kepada permasalahan kajian ini. Ini kerana perubahan lingkungan ada beberapa faktor misalnya pendangkalan muara sungai yang membentuk delta, rosaknya hutan kerana perubahan iklim atau bencana alam. Oleh itu, perubahan sedemikian dapat mengubah

kebudayaan kerana disebabkan kebudayaan mempunyai daya adaptasi dengan lingkungan setempat.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji memilih tajuk ini bertujuan untuk mengenalpasti beberapa objektif yang telah ditetapkan iaitu:

- i) Menenalpasti bagaimana adat ‘Ngulit’ dalam masyarakat Iban di Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit.
- ii) Mengkaji pantang larang yang diamalkan sepanjang adat ‘Ngulit’ dilaksanakan di Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit.
- iii) Membincangkan langkah pemeliharaan dan pengekalan adat ini dalam masyarakat kaum orang Iban di rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit Sarawak.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini terdapat beberapa persoalan kajian iaitu:

- i) Bagaimanakah adat ngulit dijalankan dalam masyarakat Iban di kawasan Kanowit?
- ii) Apakah pantang larang yang perlu diamalkan sepanjang adat ngulit dilaksanakan?
- iii) Bagaimanakah langkah untuk memelihara dan mengekalkan adat ini dalam masyarakat Iban.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, 96700 Kanowit, Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk memberi pengetahuan tentang adat *ngulit* ini kepada golongan dewasa terutamanya generasi baru masyarakat kaum Iban serta pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Fokus kajian ini hanya difokuskan kepada generasi masyarakat Iban dan kepada masyarakat yang ingin mengetahui.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mempraktikkan adat ‘ngulit’ kepada orang muda terutamanya bagi masyarakat kaum Iban. Seterusnya ialah kajian ini dilakukan agar masyarakat terutamanya golongan muda dapat mempelajari tentang adat dan kepercayaan lama supaya adat sebegini dapat diteruskan dan diwarisi oleh masyarakat Iban. Di samping itu, kajian ini dilakukan untuk memberi tunjuk ajar kepada generasi baru tentang adat dan kepercayaan lama.

Secara keseluruhannya, pendedahan terhadap kepentingan amalan pantang larang yang diwarisi oleh nenek moyang kita amat penting untuk kita pertahankan agar tidak dilupakan terutamanya kepada generasi muda. Pendedahan sebegini harus dipraktikkan oleh semua masyarakat kerana banyak kebaikan yang terdapat dari pengamalan pantang larang tersebut.

1.7 KERANGKA TEORI

Pengkaji telah menggunakan Teori Pendekatan Moral dalam menjalankan kajian ini. Menurut Hashim Awang (1999), Pendekatan Moral didasari daripada Pendekatan Gunaan iaitu sastera berupa kejadian dan objek, namun kejadiannya berdasarkan

Pendekatan Moral , bukan lagi berbentuk sesuatu kewujudan yang menyamai alat atau benda yang memberi kegunaan, tetapi kejadian yang bersifat pengalaman hidup manusia, iaitu pengalaman yang dilalui manusia tertentu dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta dunianya termasuklah kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran membabitkan kekuatan ilmu pengetahuan dan daya kreativiti.

Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini amat sesuai dengan teori tersebut kerana adat 'ngulit' ini merupakan satu budaya atau amalan bagi masyarakat Iban di Sarawak. Selain itu, adat ngulit in juga mempunyai pantang larang tersendiri dan harus dilaksanakan. Jika tidak dilaksanakan, maka akan berlakunya nasib malang atau malapetaka yang akan menimpa keluarga tersebut.

Oleh itu, kajian ini penting untuk dijalankan pengkaji dalam mempertahankan warisan dan budaya terutamanya dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Iban di Sarawak agar warisan dan budaya tidak dilupakan atau pupus begitu sahaja.

1.8 KESIMPULAN


Kesimpulannya, kaum Iban mempunyai pelbagai tatacara pengembumian yang sangat terperinci dan teliti terutamanya dalam proses semasa kematian. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum, haruslah menghormati adat dan budaya kaum-kaum lain demi mencapai perpaduan yang tinggi dengan cara menghormati setiap kepercayaan yang dianuti supaya keharmonian yang ada pada masa sekarang dapat dikekalkan.

Pengkaji juga secara tidak langsung dapat mempelajari bagaimana cara kaum Iban melaksanakan upacara kematian sehingga ke cara pengembumian. Selain itu, melalui kajian ini pengkaji yakin bahawa masyarakat terutamanya generasi muda akan mengetahui tentang identity kaum Iban yang cukup unik. Ini kerana kaum Iban mempunyai kepercayaan tersendiri dalam mengamalkan adat kematian kaum mereka.


Bagi pengkaji, pemuliharaan adat ini sangat penting supaya generasi muda yang akan datang dapat mengenali adat kematian yang diamalkan oleh kaum Iban.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Dalam bab ini akan membincangkan tentang kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas yang berkaitan dengan adat kematian masyarakat kaum Iban di Sarawak. Selain itu juga, kajian lepas juga merupakan satu panduan atau rujukan kepada pengkaji untuk mengenalpasti kajian-kajian terdahulu dalam menjalankan kajian Adat Ngulit dalam masyarakat Iban di Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, Sarawak. Ulasan dalam kajian literatur ini adalah penting untuk memberikan idea dan pemahaman tentang sesuatu penyelidikan yang akan dijalankan.

Kajian literatur perlu dijalankan supaya pengkaji dapat mengumpul maklumat berkaitan dengan pemboleh ubah kaji. Ini juga dapat memberikan idea kepada pengkaji untuk menentukan sama ada pemboleh ubah tersebut relevan ataupun tidak relevan. Kajian literatur juga akan memberikan maklumat berkaitan dengan reka bentuk kajian, subjek kajian yang digunakan di dalam maklumat kajian serta skop kajian yang dijalankan. Pada pada masa kini, ramai masyarakat terutamanya golongan muda beranggapan bahawa kepercayaan atau adat lama merupakan satu kepercayaan kuno. Munculnya agama yang baru telah menyebabkan kepercayaan atau adat mula ditinggalkan dan dilupakan. Menurut Norazit Selat (2006), beliau mengatakan sungguhpun terdapat perbezaan dari segi amalan dan kepercayaan dalam masyarakat Melayu dengan kaum lain, masyarakat berbilang bangsa di Malaysia berjaya

melestarikan keharmonian disebabkan faktor integrasi kaum dan rasa saling menghormati yang sangat kuat. Oleh itu, amalan dan kepercayaan ini amat penting untuk dipraktikkan kepada masyarakat terutamanya golongan muda kerana terdapat banyak kebaikan yang diperolehi dari amalan dan kepercayaan tersebut. Selain itu, menurut Jusman A.S (2007), adat resam dan budaya melambangkan identiti sesebuah bangsa, etnik, suku kaum dan kelompok. Walaupun manusia memiliki amalan dan agama, warisan sosial ini tetap dipindahkan secara turun-temurun daripada generasi nenek moyang. Pengajaran dan didikan sosial ini merangkumi setiap anggota masyarakat, pada setiap peringkat kehidupan, dari kelahiran hingga kematian. Pada dasarnya Islam tidak menolak adat resam kesenian dan kultur yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Mereka bebas untuk memberi komitmen terhadapnya sekiranya ia tidak bercanggah dengan lunas dan ajaran Islam. Oleh itu, pendedahan adat resam dan budaya sebegini harus dipraktikkan oleh semua masyarakat kerana banyak kebaikan adat resam dan budaya tersebut.

Masyarakat kaum Iban amat dikenali dengan adat *ngayau*. Adat *ngayau* ini telah lama di amalkan oleh masyarakat Iban. Ini kerana bagi mempertahankan diri mereka dari sebarang ancaman musuh bagi menjaga keselamatan diri mereka. Dalam bahasa Iban, perkataan *ngayau* ini membawa maksud kepada mendapatkan kepala manusia atau kepala musuh dengan cara memotong kepala dengan menggunakan *ilang* (parang) yang merupakan senjata utama masyarakat Iban pada ketika itu. Menurut Bilcher Bala & Bazlee Bee (2002) amalan *ngayau* lebih tepat diertikan sebagai suatu strategi atau taktik peperangan. Lumrahnya, perbuatan menyerang berlaku apabila timbul situasi permusuhan antara dua atau lebih individu dan kumpulan manusia.

Menurut Bilcher Bala & Bazlee Bee (2002) adat *ngayau* telah wujud sebagai satu amalan untuk merangsang semangat mempertahankan hak keistimewaan daripada ancaman unsur-unsur persekitaran sama ada yang boleh dilihat atau tidak boleh dilihat melalui mata kasar. Ini kerana masyarakat Iban sangat mempertahankan tanah adat mereka daripada dijajah oleh bangsa lain. Tanah adat tersebut juga merupakan sumber utama makanan mereka seperti melakukan aktiviti bercucuk tanam.

i. Kayau Serang

Kayau Serang merujuk kepada dalam satu kumpulan atau kelompok yang besar yang diatur oleh seorang ketua kayau atau dikenali sebagai 'Tuai Kayau' atau 'Tuai Serang'. 'Tuai Kayau' ini juga akan merancang dan mengatur strategi untuk menyerang musuh. Sebagai contoh, meminta pertolongan daripada rumah panjang lain bagi membantu mereka.

i. Kayau Anak

Kayau Anak ini sangat ditakuti oleh semua masyarakat dayak pada zaman dahulu. Ini kerana orang yang mengikuti *Kayau Anak* ini orang yang sangat berpengalaman dalam adat ngayau. *Kayau Anak* ini hanya dalam kumpulan yang kecil iaitu hanya lima atau sepuluh orang sahaja diperlukan.

Bagi suku Dayak Iban tradisi ngayau ini merupakan satu simbol kehormatan kepahlawanan yang disebut sebagai 'Bujang Berani'. Di samping itu, tradisi ngayau juga dilakukan sebelum tamatnya tempoh ngulit (berkabung) dan kepala musuh dijadikan simbol orang yang sudah meninggal dunia. Dalam sejarah Ngayau Borneo, suku Dayak Iban adalah antara sukum yang terkuat dan terkenal dalam ngayau serta telah melahirkan ramai ketua kayau dan 'bujang berani' seperti Rentap yang telah menentang penjajah asing di Borneo.

Menurut Bilcher Bala & Bazlee Bee (2002) seseorang haruslah terlebih dahulu menunjukkan keberanian atau kegagahan serta ketahanan diri bagi membolehkan mereka membunuh dan memenggal kepala mereka. Kejayaan meraih kepala musuh itu juga merupakan satu keberanian. Masyarakat Iban akan menyediakan peralatan perang yang perlu dibawa semasa ngayau. Sebagai contoh, *duku ilang, terabai, nyabor dan sumpit*.

2.1 ADAT NGULIT MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK

Adat *ngulit* atau adat kematian ini tergolong dalam jenis warisan tidak ketara. Ini kerana warisan tidak ketara boleh dikategorikan seperti pantang larang, amalan, kepercayaan, tarian, adat dan sebagainya. Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2015), warisan budaya tidak ketara sering berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki oleh manusia yang diterima melalui proses pengalaman yang diwarisi secara dipelajari atau mimpi. Selain itu, warisan budaya ketara juga boleh diturunkan secara turun-temurun diwarisi dari satu generasi ke satu generasi.

Sementara itu, menurut Noria Tugang (2016), status sosial yang paling tinggi dalam budaya menenun *pua kumbu* dikenali sebagai *Indu Nenkebang Indu Muntang, Indu Nakar Indu Ngor* atau *Indu Pandai Indai Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api*. Masyarakat Iban percaya bahawa *tukang sabak* akan menggunakan *pua kumbu* dalam melakukan ritual. Menurut kepercayaan masyarakat Iban, *pua kumbu* *tukang sabak* bagi membolehkan *tukang sabak* tersebut untuk merentasi alam *sebayan* dan dipercayai dapat melindungi beliau dari malapetaka semasa melakukan ritual *nyabak*. Manakala, *pua kumbu* akan digunakan sebagai sayapnya untuk mengiringi perjalanan si mati ke dunia *sebayan*. Oleh itu, tradisi atau adat sebegini amat penting untuk diwarisi oleh masyarakat kaum Iban terutamanya kepada golongan muda agar dapat berterusan ke generasi yang baru pada masa akan datang.

Seterusnya, menurut Anne Joan (2012), '*Ilang*' adalah satu warisan tradisional masyarakat kaum Iban di Sarawak. *Ilang* atau parang ini dijadikan sebagai satu alat untuk mempertahankan diri daripada ancaman musuh semasa era penjajahan. Dalam tradisi *nyabak*, *Ilang* dijadikan untuk berinjak kaki, hal ini dipercayai sebagai satu tanda kepada *tukang sabak* supaya tidak *alah ayu*. Manakala, besi yang terdapat pada *Ilang* tersebut akan memberi semangat yang teguh serta kuat sama seperti sifat besi. Keluarga si mati akan memberikan *duku Ilang* berserta ayam untuk dijadikan sebagai *enselan* atau simbol kepada *tukang sabak* untuk mententeramkan roh *sebayan*. Oleh

itu, barang-barang warisan yang lama haruslah disimpan kerana banyak kegunaan atau kelebihan barang warisan tersebut sekaligus dapat mempertahankan warisan tersebut.

Sehubungan dengan itu, menurut, Anwar (2008) ciri kebudayaan bahawa unsur luaran sesuatu kebudayaan bersifat adaptif, berubah mengikut kesesuaian masa dan tempat. Dengan ini jelaslah bahawa acuan asas tradisional masih lagi dipelihara dan diamalkan, cuma cara kebanyakan ritual-ritual berkenaan dipersembahkan atau dilaksanakan telah dipermudahkan atas beberapa faktor, kekangan dan tuntutan yang lebih bersesuaian dengan kehidupan berbudaya dalam arus perdana. Hal ini dapat dipejelaskan bahawa sebagai rakyat Malaysia kita hendaklah mempertahankan warisan budaya kita ini agar tidak dilupakan dan dapat dirasai oleh generasi akan datang.

Tempat penyimpanan barang si mati pula akan diletakkan di satu pondok yang berdekatan dengan kubur si mati. Sekiranya si mati datang dalam mimpi seseorang itu dan menginginkan atau meminta sesuatu barang, maka barang yang diminta tersebut akan dibakar. Ini kerana mereka percaya bahawa apabila barang tersebut dibakar ia akan sampai di alam atau dunia *sebayan* agar roh si mati tenteram. Biasanya si mati akan hadir dalam mimpi keluarga terdekat.

Menurut Davidson (1991), warisan budaya ditakrifkan sebagai produk atau hasil budaya fizikal dari tradisi-tradisi yang berbeza serta prestasi-pesta spiritual dalam bentuk nilai dari masa lalu yang menjadi elemen asas dalam jati diri sesuatu kelompok atau bangsa. Sementara itu, Sullivan (2016) menjelaskan warisan budaya adalah peninggalan artifak dan ciri tidak ketara sesebuah kelompok atau masyarakat yang diwarisi dari generasi dahulu, dikekalkan pada masa kini serta dipelihara untuk masa akan datang.

Menurut Arwan dan Ahimsa (2004), terdapat empat jenis simbol atau ikon yang dapat dikenal pasti dan dikategorikan sebagai warisan budaya. Simbol dan ikon warisan yang dimaksudkan tersebut ialah:

- i) Benda-benda fizikal atau *material culture* yang merangkumi seluruh objek hasil ciptaan manusia yang terdiri daripada objek yang bersaiz agak kecil sehingga objek yang sangat besar.
- ii) Pola-pola perilaku yang merujuk kepada adat istiadat sebuah kebudayaan tertentu.
- iii) Sistem nilai atau pandangan hidup yang merupakan falsafah kehidupan atau kearifan tradisi dari suatu masyarakat dalam memandang atau menilai lingkungan sekitarnya.
- iv) Persekitaran yang boleh menjadi sebahagian daripada tinggalan budaya kerana persekitaran memainkan peranan sebagai bahagian yang tidak dipisahkan bagi mencipta kebudayaan itu sendiri.

2.2 PERANAN TUKANG SABAK DALAM ADAT KEMATIAN MASYARAKAT IBAN

Dalam adat kematian masyarakat kaum Iban di Sarawak, *tukang sabak* kebiasaanya akan diwakili oleh kaum wanita. Tujuan utama *tukang sabak* ini dipanggil kerana bagi mengiringi semangat roh si mati ke *batang mandai* (dunia akhirat). *Tukang sabak* akan duduk mendekati *sapat* (pua kumbu) dan akan memulakan upacara *sabak* yang dikenali sebagai *sabak kenang*. *Sapat* atau *Sapat Pua Kumbu* merupakan simbol bagi membezakan alam manusia dan *alam sebayan* (kematian) bagi mengelakkan rumah panjang tersebut ditimpa bala atau malapetaka.

Leka sabak dalam masyarakat Iban terbahagi kepada dua jenis iaitu *sabak bebuah* dan *sabak kenang*. Ritual ini hanya dilakukan oleh kaum wanita yang sudah bertahun lama mempelajari ritual ini untuk mengiringi roh si mati ke alam *sebayan*.

i. Sabak Bebuah

Sabak bebuah ini merupakan satu upacara untuk menyeru *sebayan* untuk datang *ngabang* (menziarahi) roh si mati tersebut. Menurut Chemaline Osup (2013) *sabak bebuah* hanya boleh dinyanyikan oleh *tukang sabak* yang mahir, mereka akan duduk di dalam *sapat*, iaitu berhampiran dengan si mati.

ii. Sabak Kenang

Sabak kenang pula merupakan satu upacara yang menyeru *sebayan* (roh yang sudah mati) pulang ke batang mandai. Selalunya, sabak kenang dilakukan ketika perayaan *Gawai Antu*. *Gawai Antu* merupakan satu perayaan bagi mengingati orang yang sudah mati. Menurut Edward Until (2009) sebelum memulakan proses *nyabak*, *tukang sabak* akan menyebut tangkal atau *pengaroh* yang akan digunakan ketika upacara *nyabak* supaya beliau dan orang di sekeliling dihindari daripada malapetaka.

2.3 PERANAN TUAI RUMAH DALAM ADAT KEMATIAN MASYARAKAT IBAN

Tuai rumah merupakan *ketuai adat* di dalam rumah panjang tertentu. *Tuai rumah* akan memimpin rumah panjang yang diketuai oleh beliau. Pemilihan jawatan *tuai rumah* ini selalunya diwarisi secara turun-temurun ataupun melalui secara pilihan undi oleh penduduk rumah panjang tersebut. *Tuai rumah* akan bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan dan kebajikan penduduk rumah panjang yang bawah jagaan beliau. Menurut Jayum (1987) jawatan *Tuai Rumah* biasanya hanya layak dipegang oleh individu yang mempunyai pengetahuan yang luas dan berpengalaman dalam pelbagai bidang.

Apabila berlakunya kematian, tuai rumah akan bertanggungjawab dalam membantu keluarga si mati tersebut dengan memberi arahan kepada semua penduduk di rumah panjang tersebut untuk bersama-sama membantu keluarga si mati. *Tuai rumah* juga akan menetapkan hukum adat kematian seperti yang telah tertulis di dalam buku Adat Iban. Sebagai contoh, melakukan upacara penyembelihan ayam atau babi sebelum membawa masuk atau naik si mati ke dalam rumah panjang bagi menghindari sebarang nasib malang atau malatepaka yang akan menimpa rumah panjang tersebut.

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 PENGENALAN

Dalam bab ini akan membincangkan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian sama ada kajian tersebut mencapai objektif ataupun tidak. Metodologi kajian adalah satu kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul data dan menganalisis data untuk menghasilkan bukti menyokong sesuatu kajian. Menurut Honby (1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Sehubungan dengan itu, bab ini akan membincangkan reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan proses menganalisis data bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan lebih awal.

Metodologi juga akan menerangkan tentang sesuatu masalah yang dikaji dan teknik-teknik tertentu yang digunakan. Tujuan metodologi adalah untuk membantu memahami dengan lebih jelas tentang sesuatu kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dalam menjalankan kajian ini dalam menentukan himpunan data yang diperlukan dalam setiap kajian penyelidikan.

Bab ini membincangkan kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat semasa menjalankan kajian ini. Metodologi kajian memainkan peranan yang sangat penting dalam mengumpulkan data atau maklumat


yang diperlukan dalam setiap kajian penyelidikan. Penggunaan metodologi ini juga adalah bertujuan untuk menentukan bagaimana data ini dipersembahkan, dari manakah data diperolehi, berapa banyak data diperlukan dan sebagainya. Menurut Azizi Yahaya (2006) metodologi mempunyai makna yang luas yang berkaitan dengan pengolahan data dan juga prosedur yang digunakan dalam menjawab persoalan penyelidikan termasuk menguji hipotesis kajian. Aspek yang perlu diambil kira dalam sesuatu penyelidikan ini adalah berdasarkan kaedah, reka bentuk penyelidikan, analisis data, sampel, pengolahan data dan juga instrumen penyelidikan.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN


Menurut John W. Creswell (2008), reka bentuk kajian merupakan rancangan untuk menjalankan kajian yang melibatkan falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metodologi kajian. Reka bentuk kajian telah dibahagikan kepada dua iaitu kualitatif dan kuantitatif. Dimana reka bentuk kajian kualitatif lebih sesuai untuk kajian penerokaan. Manakala, reka bentuk kuantitatif ialah sesuai untuk kajian deskriptif reka bentuk eksperimen sesuai digunakan dalam kajian yang bertujuan membuat penjelasan (Robson Collin, 2002). Reka bentuk kajian juga merupakan pelan tindakan yang memperlihatkan dengan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian dijalankan (Sabitha, 2016).

Reka bentuk kajian merujuk kepada satu tatacara pembentukan data yang dikumpul berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukkan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah sesuatu kajian. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual bagi memperoleh dan mengumpul data. Menurut (Kilinger, 1970), reka bentuk kajian merujuk kepada satu tatacara pembuatan data yang dikumpul berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukkan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah sesuatu kajian.

Reka bentuk yang digunakan oleh pengkaji ialah kualitatif iaitu kaedah temu bual yang mana pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual semi struktur kerana pengkaji menyoal soalan formal yang dibina. Kajian ini berfokus kepada sampel yang terdiri daripada seorang atau lebih di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, 96700, Kanowit. Melalui teknik kajian ini, responden perlu menjawab soalan berdasarkan temu bual yang akan dilakukan mengikut jawapan responden.



Carta 1: Rangka Kaedah Digunakan



Carta 2: Carta Alir Proses Kajian

3.1.1 Kajian Lapangan

Kajian lapangan bermaksud satu sumber terpenting untuk mendapatkan maklumat baru dengan lebih jelas. Selain itu, kajian lapangan juga memudahkan pengkaji untuk memahami keadaan atau situasi yang dikaji itu dengan lebih teliti dan mendalam.

Pengkaji telah memilih lokasi kajian iaitu di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Hal ini kerana rumah pengkaji berdekatan dengan lokasi lapangan tersebut. Ini memudahkan pengkaji untuk mengkaji tajuk ini kerana ia menjimatkan kos pengkaji untuk mengkaji kelak.

3.1.2 Temubual

Temubual yang dilakukan dengan melibatkan perbualan antara pengkaji dan responden. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang ada. Menurut Rozmi Ismail (2015) ia dimaksudkan sebagai trigulasi bertujuan untuk mengesah data atau maklumat yang diperolehi. Oleh itu, melalui temu bual, data diperolehi daripada pemerhatian dapat diperkukuh dan diperlengkapkan. Terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual semi struktur kerana pengkaji menyoal soalan formal yang dibina tetapi penemu bual juga diberi kebebasan untuk menyoal lebih mendalam lagi tentang jawapan responden yang telah ditanya secara formal. Temu bual yang dilakukan pengkaji juga dilakukan secara terbuka dan bukannya tertutup.

Pengkaji telah memilih responden di rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Hal ini kerana pengkaji mendapati bahawa responden tersebut mempunyai pengalaman dalam menguruskan adat ini iaitu adat 'ngulit' ini. Selain itu, pengkaji juga mengenal pasti bahawa rumah panjang tersebut masih mengamalkan

adat ini semasa berlakunya kematian. Oleh itu, menarik minat pengkaji untuk menemu bual masyarakat di lokasi tersebut.

3.1.3 Golongan Sasaran

Pengkaji mensasarkan kajian ini kepada masyarakat Iban di rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Hal ini kerana apabila berlakunya kematian di rumah panjang tersebut golongan masyarakat ini masih mengamalkan adat ngulit ini seperti mana yang telah dipraktikkan sejak dari dahulu lagi. Oleh itu, pengkaji telah mensasarkan salah seorang daripada masyarakat yang tinggal di lokasi kajian tersebut yang mempunyai pengalaman yang mendalam terutamanya berkaitan dengan pantang larang dalam menguruskan adat kematian atau adat ngulit ini.

3.2 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan data primer dan data sekunder untuk mengumpul semua maklumat mengenai tajuk kajian iaitu Adat Ngulit Masyarakat Kaum Iban di Sarawak di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, 96700, Kanowit. Ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang tepat kepada pengkaji untuk membuat penyelidikan terhadap adat tersebut.

3.2.1 Data Primer

Menurut Yusof (2003) data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian ini. Pengkaji akan mengumpul data ini melalui kaedah temu bual dan kaedah golongan sasaran bagi memperolehi data yang sahih. Data primer ini merujuk kepada data yang tidak tersedia di dalam fail atau kajian dan boleh dikatakan benda atau maklumat yang baharu.

Pengkaji memperoleh data primer melalui beberapa responden yang akan ditemu bual oleh pengkaji kelak. Selain itu, pengkaji akan mengkaji orang yang lebih berpengalaman atau orang lama yang lebih mengetahui tentang adat kematian masyarakat kaum Iban. Setelah itu, data yang diperoleh akan direkod dan dijadikan sebagai bukti kajian.

3.2.2 Data Sekunder

Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dirujukan sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Sebagai contoh, pengkaji memperoleh data-data tersebut melalui kajian lepas untuk tujuan kajian. Pengkaji telah mencari beberapa artikel yang berkaitan dengan adat 'ngulit' Masyarakat Kaum Iban di Sarawak bagi menjalan penyelidikan terhadap kajian ini.

Pengkaji memperoleh data sekunder dalam laman sesawang. Ini kerana pengkaji akan mendapatkan maklumat di dalam beberapa artikel melalui '*google scholar*' bagi memperoleh data yang telah dikaji oleh pengkaji lain. Sebagai contoh, artikel mengenai adat resam, pantang larang, adat kematian dan sebagainya.

3.3 PERSAMPELAN KAJIAN

Pengkaji memilih sampel daripada penduduk kaum Iban di rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit untuk mengkaji tentang adat kematian bagi kaum Iban di kawasan rumah panjang tersebut. Menurut Kumar. R (2011), sampel merupakan sebahagian dalam populasi kajian. Sampel mewakili dapatan kajian yang diperlukan dalam populasi. Kaedah ini digunakan untuk menjimatkan masa, duit dan sumber yang lain dalam menentukan sampel dalam kajian, pengkaji telah menggunakan prinsip penentuan saiz sampel iaitu persampelan bertujuan.

3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan untuk mengumpul data. Menurut Nurinian (2015), instrument kajian merupakan salah satu alat yang digunakan oleh penyelidik ketika menjalankan kajian untuk mengumpulkan maklumat dan data yang diperoleh untuk dapatan kajian. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual bagi memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dalam menjalankan kajian ini. Temu bual merupakan satu perbualan antara dua orang atau lebih.

Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual semi struktur kerana pengkaji menyoal soalan formal yang dibina tetapi penemu bual juga diberi kebebasan untuk menyoal lebih mendalam lagi tentang jawapan responden yang telah ditanya secara formal. Temu bual yang dilakukan pengkaji juga dilakukan secara terbuka dan bukannya tertutup.

3.4.1 Alat Bantu Kajian

Alat bantu kajian merupakan salah satu platform yang digunakan oleh pengkaji dalam merekodkan data. Ini kerana pengkaji menggunakan kaedah temu bual dalam menjalankan kajian ini. Oleh itu, ia memudahkan pengkaji dalam merekod perbualan bersama responden yang akan ditemu bual di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit.

Pengkaji akan menggunakan kamera dalam menjalankan kajian ini. Ini kerana kamera tersebut akan diggunakan untuk mengambil gambar semasa temu bual berlangsung. Gambar tersebut juga akan dijadikan sebagai bukti kajian.

Selain itu, pengkaji turut menggunakan telefon dalam menjalankan kajian ini. Ini kerana ia berfungsi sebagai perakan suara semasa berlangsungnya perbualan bersama responden di kawasan rumah panjang tersebut. Oleh itu, ia memudahkan pengkaji untuk mendengar semula perbualan tersebut dalam mengumpul data.

Akhir sekali, pengkaji menggunakan buku catatan dalam menjalankan kajian ini. Ini kerana pengkaji akan menulis beberapa data penting yang akan dijadikan sebagai data kajian. Sehubungan dengan itu, ia juga memudahkan pengkaji dalam untuk merujuk semula data tersebut.

3.5 ANALISIS KAJIAN

Analisis kajian akan dilakukan oleh pengkaji setelah selesai mengumpul dan memperoleh semua maklumat berdasarkan kaedah pengumpulan data daripada hasil kajian tersebut. Data yang diperoleh daripada kaedah kualitatif berdasarkan temu bual yang dibuat.

Dalam mendapatkan data-data serta maklumat mengenai kajian ini, pengkaji telah melakukan beberapa penyelidikan secara sendiri bagi memahami dengan lebih mendalam lagi terhadap kajian ini. Antaranya ialah pengkaji mencari artikel yang mengandungi tentang hukum adat Iban terutamanya adat kematian dalam masyarakat Iban serta kajian terhadap penyelidikan-penyelidikan yang lepas. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan internet sebagai rujukan utama pengkaji dalam mendapatkan maklumat tersebut akibat daripada penularan virus Covid-19 yang berlaku pada masa ini.

Akhir sekali, pengkaji turut menjadikan sampel kajian sebagai responden untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Ini kerana

bagi mendapatkan maklumat yang betul dan benar terutamanya dalam adat kematian masyarakat Iban di kawasan rumah panjang tersebut dalam menjalankan kajian ini.

3.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji mengharapkan dengan kaedah kualitatif yang digunakan dapat memudahkan pengkaji dalam mengumpul data. Pengkaji juga turut menggunakan beberapa persampelan sebagai responden pengkaji iaitu penduduk di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit.

Justeru itu, pengkaji dapat menentukan maklumat yang betul mengenai adat kematian masyarakat Iban di Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Sehubungan dengan itu, pengkaji percaya bahawa dengan kaedah sebegini dapat pengkaji mendapat maklumat yang benar dan tepat dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji juga berharap data yang telah dikumpul itu nanti dapat dijadikan sebagai bukti kajian.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Kaum Dayak merupakan kaum yang terbesar yang ada di Negeri Sarawak iaitu merangkumi hampir 50% populasi rakyat Sarawak. Kaum Dayak ini sebenarnya terbahagi kepada beberapa-etnik iaitu Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Murut, Melanau, Kayan, Kenyah, Kelabit, Iban Selakau, Lun Bawang dan sebagainya. Oleh itu, tidak hairanlah Negeri Sarawak mempunyai adat dan kepercayaan yang berbeza mengikut etnik masing-masing.

Secara amnya, adat 'Ngulit' ini dikategorikan sebagai warisan tidak ketara. Ini kerana adat tidak dapat dilihat melalui mata kasar tetapi dapat dirasai melalui jiwa dan perasaan. Setiap adat ngulit ini dijalankan dalam kaedah yang berbeza di setiap kawasan rumah panjang. Ini kerana adat ini mengikut undang-undang atau atur adat yang telah ditetapkan oleh orang yang mengetuai adat ngulit ini yang dikenali sebagai 'Ketuai Ulit'. Setiap undang-undang hendaklah diberitahu terlebih dahulu oleh 'ketuai ulit'. Jika semua penduduk rumah panjang tersebut setuju, maka mereka haruslah mengikut undang-undang tersebut sepanjang tempoh ngulit dijalankan. Adat 'Ngulit' ini merupakan satu adat yang kaya dengan nilai sopan santun. Ini kerana adat ini merupakan satu tanda penghormatan terhadap roh si mati dan juga kepada keluarga si mati. Selepas cukup tiga hari si mati dikuburkan, kesemua keluarga terdekat si mati akan berkumpul bersama ketua rumah panjang mengenai tempoh ngulit yang akan

dijalankan. Apabila tempoh telah ditetapkan, maka semua penduduk di rumah panjang tersebut terutamanya keluarga terdekat si mati akan mengamalkan pantang larang seperti mana yang telah ditetapkan sejak dahulu lagi. Adat 'Ngulit' ini akan dijalankan melalui perbincangan oleh keluarga terdekat si mati terlebih dahulu sama ada ingin mengikut adat lama atau adat baru.

Walaupun bagaimanapun, setiap adat yang diamalkan oleh masyarakat kaum Iban memang tidak dapat dipisahkan dengan upacara 'miring'. Ini kerana setiap kerja atau aktiviti yang hendak dijalankan perlu meminta restu daripada orang 'panggau' terlebih dahulu. Sebagai contoh, jika 'burong bejampong' (burung nendak) masuk ke rumah panjang ketika berlangsungnya tempoh ngulit, mereka percaya seluruh penduduk di rumah panjang tersebut akan ditimpa kejadian buruk seperti akan berlakunya kematian berturut-turut atau kebakaran akan berlaku terhadap rumah panjang tersebut. Sekiranya perkara sedemikian berlaku, maka seluruh penduduk di rumah panjang tersebut perlu mengadakan upacara miring untuk memohon ampun daripada orang panggau.

Sehubungan dengan perkara tersebut, sebuah pondok kecil yang disebut sebagai 'Langkau Ampun' akan didirikan di hujung rumah panjang. Pondok tersebut merupakan tempat untuk meletakkan piring pengampunan berupa barang makanan dan darah ayam yang telah dikorbankan sebagai simbolik memohon ampun daripada orang panggau. Upacara miring ini akan diketuai oleh 'ketuai adat' dan dilakukan sekiranya berlaku perkara yang melanggar pantang larang sesebuah rumah panjang yang telah dipraktikkan sejak dari zaman nenek moyang mereka dahulu lagi.

i) *Langkau Pengampun*

Langkau Pengampun merupakan satu pondok yang digunakan untuk upacara *miring*. Upacara pengampunan akan dilakukan ketika berlakunya *salah mimpi* atau *salah burong*. Upacara ini akan diketuai oleh ketua adat atau *lemambang* dan *beliau* bagi mengelakkan perkara buruk yang akan menimpa rumah panjang tersebut. Kebiasaannya, *langkau pengampun* akan dibuat di hujung kawasan rumah panjang.

Kini, adat lama dalam menjalankan adat '*Ngulit*' amat sukar untuk ditemui dan dipelajari kerana kebanyakan rumah panjang sekarang menjalankan adat ngulit dengan adat baru iaitu mengikut ajaran agama Kristian. Ini kerana hampir semua masyarakat Iban pada masa kini telah menganut agama Kristian. Selain itu, tiada lagi 'lemambang' atau 'beliau' yang mengetuai atau menguruskan adat ngulit ini mengikut adat lama dalam menyempurnakan beberapa upacara tertentu. Namun begitu, mereka tetap mengamalkan setiap adat seperti mana yang telah dipraktikkan oleh nenek moyang mereka terdahulu.

Dalam bab ini, pengolahan mengenai dapatan kajian hasil daripada data yang diperoleh adalah menerusi kaedah temubual serta pengumpulan data. Data yang diperolehi ini melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan yang mengetuai adat ngulit ~~ini~~ dan generasi muda di kawasan rumah Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang mana bertujuan untuk mendapatkan data-data yang lebih terperinci dan lebih tepat mengenai Adat '*Ngulit*' mengikut objektif yang telah ditetapkan iaitu:

- i) Mengenalpasti bagaimana adat '*Ngulit*' dalam masyarakat Iban di Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit dijalankan.
- ii) Mengkaji pantang larang yang diamalkan sepanjang adat '*Ngulit*' dilaksanakan di Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit.
- iii) Membincangkan langkah pemeliharaan dan pengekalan adat ini dalam masyarakat kaum orang Iban di rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit.

4.1 ANALISIS TEMUBUAL RESPONDEN

Dalam bab ini, data-data yang diperoleh hasil daripada dua kumpulan yang berbeza iaitu yang terlibat dalam mengetuai adat '*ngulit*' dan golongan generasi muda di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Kaedah temubual

yang digunakan ini merupakan kaedah pendekatan kualitatif seperti mana yang dinyatakan oleh Denzin dan Lincoln (1994) iaitu kaedah kualitatif mempunyai pelbagai kaedah berfokus dan penyelidikan secara semulajadi dalam mengkaji semua perkara.

Pengkaji telah memilih 10 responden iaitu lima orang responden yang mengetuai adat ngulit ini dan lima orang responden generasi muda di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Namun begitu, hanya dua orang sahaja yang ketara di dalam temubual ini, manakala tiga orang lagi bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Encik Lenus dan Encik Christopher John. Ini kerana mereka semuanya tinggal di dalam rumah panjang yang sama. Maka, adat ngulit di rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit telah diseragamkan.

Selain itu, pengkaji turut memilih lima orang responden dalam kalangan generasi muda di rumah panjang yang sama. Hanya tiga orang responden sahaja yang memberi pendapat dengan jelas, manakala dua orang lagi responden hanya bersetuju dengan soalan yang diberi. Ini kerana dua orang responden tersebut jarang terlibat dan tidak mengetahui dengan mendalam tentang cara mengatur adat ngulit ini.

4.2 DOKUMENTASI

Pendokumentasian merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini hasil daripada kaedah temubual. Pendokumentasian ini berperanan dalam mengukuhkan data yang diperoleh daripada responden dari awal sehingga akhir proses temubual. Pengkaji menggunakan bahasa Iban dalam menemubual semua responden yang dipilih. Ini bertujuan untuk memudahkan proses menemubual mengenai adat ngulit ini. Setiap jawapan yang diperoleh akan diteliti dan akan ditukarkan ke dalam bahasa Melayu dan akan ditranskription bagi memastikan setiap jawapan yang direkodkan dan dikomentasikan dengan lebih baik. Perkara ini juga dapat memberikan cara kepada pengkaji dalam memastikan perbezaan jawapan antara setiap responden serta memudahkan proses mengklasifikasikan jawapan tersebut mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan.

4.3 DAPATAN KAJIAN

4.3.1 Adat 'Ngulit' Dalam Masyarakat Iban di Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit

Adat 'Ngulit' ini sangat sinonim dengan etnik Iban di Sarawak yang membawa maksud berkabung. Adat ini masih lagi diamalkan oleh masyarakat Iban hingga ke hari ini. Masyarakat Iban di Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit misalnya biasa menjalankan adat ngulit ini sejak dari dahulu lagi. Adat Ngulit ini dijalankan mengikut 'baum' (perbincangan) keluarga si mati bersama ketua rumah panjang dan 'ketuai ngulit'.

Adat Ngulit ini dilakukan kerana masyarakat Iban percaya bahawa ada alam lain selepas kematian. Menurut Clifford Sather (2012), masyarakat Iban percaya bahawa dunia diciptakan oleh semangat yang dipanggil sebagai 'petara'. Mereka percaya bahawa 'petara' inilah yang mengawal dunia dan alam semesta. Dunia kosmologi masyarakat Iban dikatakan terbahagi kepada tiga, iaitu 'panggau libau', 'mandai idup' dan 'mandai mati'.

Menurut Encik Lenus yang merupakan ketua rumah panjang, menyatakan bahawa adat ngulit memang telah diberi oleh petara (dewa bagi masyarakat kaum Iban) dari dahulu lagi sama ada melalui mimpi atau ajaran yang ditunjuk ajar oleh orang 'panggau' terhadap masyarakat Iban. Ini kerana pada zaman dahulu, masyarakat Iban dengan orang 'panggau' mempunyai hubungan yang sangat dekat. Orang 'panggau' juga banyak mengajar masyarakat Iban dalam pelbagai jenis adat terutamanya dalam adat 'ngulit'.



Gambar 1: Pengkaji Di Kawasan Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kini, masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit menggunakan adat baru iaitu mengikut ajaran Kristian yang mana tidak lagi menggunakan ‘lemambang’ atau ‘beliau’ dalam adat ini. Menurut Encik Lenus, hampir semua masyarakat di rumah panjang ini menganut agama Kristian dan tidak menggunakan lagi adat lama.

Menurut Encik Lenus, selepas si mati dikuburkan, keluarga terdekat si mati akan ‘baum’ dalam menetapkan tempoh untuk ngulit. Perbincangan tersebut dilakukan bersama dengan ketua rumah panjang dan juga ‘ketuai ulit’ yang telah dilantik oleh keluarga terdekat si mati tersebut. ‘Ketuai ulit’ yang dilantik hendaklah yang sihat tubuh badan kerana ‘ketuai ulit’ tersebut akan mengetuai upacara ‘mungkus’ dan ‘ngetas ulit’.

Mengikut adat ‘ngulit munya’ (adat lama), ‘ketuai ulit’ haruslah berumur 50 tahun ke atas dan harus lebih tua daripada si mati. Ini bertujuan untuk mengelakkan ‘ketuai ulit’ tersebut ‘alah ayu’ atau pendek umur. Manakala, ‘ketuai ulit’ dengan adat baru boleh mengetuai upacara ‘mungkus’ dan ‘ngetas’ ulit di bawah umur 50 tahun atau lebih muda daripada umur si mati.



Gambar 2: Pengkaji Menemubual Tuai Rumah

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Tempoh adat 'ngulit' di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit kebiasaannya akan dijalankan dalam jangka masa dua minggu. Ini kerana rumah panjang tersebut mengamalkan adat baru dalam menguruskan adat 'ngulit' ini. Menurut Encik Clement Andah yang merupakan penduduk rumah panjang yang terlibat dengan adat ini, beliau menyatakan bahawa keluarga si mati akan 'baum' (berkumpul) untuk menentukan tarikh 'ngulit'. Jika adat 'ngulit munya' (adat dulu), tempoh 'ngulit' wajib dijalankan selama sebulan. Manakala, tempoh 'ngulit' kini kebanyakannya dijalankan dalam tempoh dua minggu sahaja. Tempoh 'ngulit' akan menjadi singkat jika ada keluarga si mati yang berkerja jauh seperti di luar negeri. Namun, ia terpulang kepada keluarga si mati untuk menentukan tempoh 'ulit' tersebut.

Menurut Encik Lenus, masyarakat Iban pada zaman dahulu akan mendirikan *ranyai gagai* dan *ranyai sebayan* apabila berlakunya kematian. Upacara ini akan dilakukan setelah tempoh *ngulit* dan *entebalu* dilakukan. Namun, hanya segelintir kawasan rumah panjang sahaja yang melakukan upacara sebegini. Berikut merupakan maksud *ranyai gagai* dan *ranyai sebayan* dalam masyarakat Iban:

a) Ranyai Gagai

Pada zaman dahulu, masyarakat Iban akan mendirikan *ranyai gagai* di *ruai* rumah panjang. *Ranyai* tersebut akan dibuat oleh keluarga si mati dan penempatan *ranyai gagai* akan didirikan mengikut ke mana yang hendak mereka tuju. Pokok *ranyai* tersebut akan dihiasi dengan menggantungkan buah-buah yang berupa sumbangan

makanan dan minuman untuk dicantas dan diambil oleh para penari *Ngajat* yang menari mengelilingi pokok itu sebagai hadiah. Tarian *Ngajat* dilakukan untuk *ngeluhu sebayan datai ngabang* (menyambut kedatangan roh si mati). Selain daripada itu, mereka juga akan menunjukkan seni mempertahankan diri seperti *kuntau* dan *penca*. Pokok *ranyai gagai* akan dirobuhkan oleh wakil keluarga di tempat *ranyai gagai* itu didirikan.

i. Kuntau

Kuntau merupakan salah satu seni mempertahankan diri yang menggunakan pergerakan yang menunjukkan ketangkasan tangan dan jari (silat jari).

ii. Penca

Penca merupakan seni mempertahankan diri dengan menggunakan senjata (silat parang).

b) Ranyai Sebayan

Ranyai Sebayan bermaksud ranyai untuk *sebayan* (orang yang sudah mati). Pokok *ranyai sebayan* akan didirikan di luar kawasan rumah panjang. Pokok *ranyai* tersebut didirikan oleh keluarga si mati. Pokok *ranyai* tersebut juga akan dirobuhkan oleh keluarga yang baru sahaja mengalami kematian.

Persediaan akan dilakukan semasa tempoh ngulit ini telah ditetapkan. Masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit akan membuat tanda ulit. Ini bertujuan untuk memberitahu kepada masyarakat yang berdekatan bahawa rumah panjang tersebut sedang dalam tempoh ngulit. Menurut Encik Lenus, mereka akan membuat tanda ulit menggunakan piring yang dibungkus dengan tali putih dan digantung di '*penamak jalai*' (kawasan masuk ke dalam rumah panjang).

Dalam adat ngulit lama, persediaan ulit akan dilakukan dengan ‘piring’. Jika rumah panjang berdekatan dengan sungai ataupun jalan akan dibuat piring yang disertai dengan (lungak) pisau dan kain putih yang dibalut dengan dawai dari hulu sungai, ‘nanga sungai’ dan hilir sungai serta sepanjang jalan rumah panjang tersebut. Ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada masyarakat di sekitar bahawa mereka sedang dalam tempoh ulit. Masyarakat rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit telah menyediakan satu pondok kecil yang mana mereka akan meletakkan tanda ulit di pondok tersebut.



Gambar 3: Pengkaji Berada Di ‘Langkau Ulit’ Yang Dibina Dengan Kayu Belian Dan Berusia Lebih Dari 50 Tahun

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Menurut Encik Christopher John, adat lama tidak menggunakan adat ‘Nguan Ulit’ yang bermaksud berjaga dari malam hingga ke pagi atau lebih tepat sehingga ke upacara ‘Ngetas Ulit’. Beliau turut menyatakan bahawa adat ‘nguan ulit’ ini merupakan suatu benda yang baru dalam adat ngulit. Kebiasaannya, makanan akan dihidangkan semasa ‘nguan ulit’ ini berlangsung adalah seperti kacang hijau, kacang kuda dan juga lauk-pauk.



Gambar 4: Keluarga Terdekat Si Mati Berkumpul Di Ruang Tamu Untuk Sembahyang Rosary

Sumber: Penduduk Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus

Semasa upacara *nguan ulit*, semua keluarga si mati akan menyediakan dan membungkus makanan kepada para tetamu yang datang ke rumah si mati tersebut. Bagi yang beragama Kristian, mereka akan duduk di *ruai* atau di ruang tamu untuk berdoa 'rosary' agar roh si mati dalam keadaan tenteram.

Menurut Puan Timah, sembahyang 'rosary' ini selalunya diketuai oleh keluarga si mati. Mereka akan berdoa setiap hari terutamanya pada waktu malam. Ia akan disertai oleh semua masyarakat Iban yang beragama Kristian. Manakala, masyarakat bukan Kristian hanya duduk sementara menunggu ketibaan sahabat dan saudara si mati yang datang dari jauh.



Gambar 5: *Ketuai Ulit* Duduk Di Atas *Tawak* Sambil Menunggu Ketibaan Tetamu Untuk Upacara *Ngetas Ulit*

Sumber: Penduduk Kampung Tuai Rumah Lenus

Upacara *ngetas ulit* di rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit akan dilakukan sebelum subuh. Persediaan barang seperti gunting, *tawak* (gong) akan

diletakkan di tengah-tengah *ruai*. *Ketuai ulit* akan duduk di atas *tawak* sambil menunggu ketibaan orang ramai untuk *ngetas ulit*. Upacara ini kebiasaanya akan dilakukan selama dua atau tiga jam.

Ketuai ulit akan menunggu ketibaan orang ramai pada pukul 6 pagi. Orang yang datang untuk upacara *ngetas ulit* hendaklah berbaris mengikut urutan. Selain itu, orang yang datang dari jauh tidak dibenarkan balik hari kerana masyarakat Iban percaya akan berlaku nasib buruk kepada orang tersebut jika balik hari semasa upacara *ngetas ulit* berlangsung.



Gambar 6: *Ketuai Ulit* Menggunting *Tali Ulit* Yang Dipakai Pada Lengan Kanan.

Sumber: Penduduk Kampung Tuai Rumah Lenus

Orang yang datang *ngetas ulit* akan digunting *tali ulit* yang dipakai di lengan kanan, manakala bahagian hujung rambut akan *diketas* (digunting) bagi yang tidak memakai *tali ulit* dengan menggunakan gunting oleh *ketuai ulit*. Menurut Puan Intuk, mereka juga akan memberikan duit sebagai tanda sedekah kepada keluarga si mati. *Tali ulit* akan dibungkuskan dalam plastik dan akan dibuang ke sungai selepas tamatnya upacara tersebut.

Selain itu, mereka juga turut menghidangkan *air tuak* kepada orang yang *ngetas ulit*. Bagi yang beragama Kristian, mereka akan meletakkan air kudus di dalam mangkuk kecil, dan mereka akan membuat tanda salib setelah menyentuh air kudus tersebut. Manakala bagi yang masih mengamalkan kepercayaan *miring*, darah ayam akan disediakan di dalam mangkuk yang berasingan. Mereka hanya menyentuh darah ayam tersebut untuk dijadikan sebagai simbolik mengamalkan kepercayaan *miring*.



Gambar 7: Terdapat Sedekah, Darah Ayam, Air Kudus Dan *Tali Ulit* Yang Telah Dibungkus Di Dalam Plastik

Sumber: Penduduk Kampung Tuai Rumah Lenus

Namun begitu, bagi kematian yang melibatkan kes Covid di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, mayat si mati tidak dapat di bawa masuk ke dalam rumah panjang. Ini kerana bagi menghindari berlakunya penyebaran virus di rumah Panjang berkenaan. Mayat si mati akan dibawa terus ke kubur dan ditanam oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kebiasaanya, masyarakat Iban akan *nyengaik* mayat si mati di rumah panjang selama tiga hari di kawasan *ruai*. Namun, jika mayat disahkan menghidapi virus covid, maka hanya gambar si mati akan diletakkan di kawasan ruai.



Gambar 8: Upacara *Ngetas Ulit* Yang Diketuai Oleh Tuai Rumah Lenus

Sumber: Penduduk Kampung Tuai Rumah Lenus

Hanya cara *nyengaik* sahaja berbeza dalam menguruskan kematian yang melibatkan kes Covid ini. Adat dalam menguruskan tempoh ngulut tidak berubah dan dijalankan seperti biasa. Menurut Encik Lenus, semasa kematian yang

melibatkan kes Covid di rumah panjang mereka, hanya keluarga terdekat si mati yang datang untuk upacara ‘ngetas ulit’. Orang yang ingin memberi bantuan dari segi kewangan pula akan memberi menerusi nombor akaun keluarga si mati.

Orang luar yang ingin masuk juga dihadkan bilangannya. Mereka juga harus *scan mysejahtera* dan harus lengkap dua dos vaksin. Mereka juga harus mengamalkan penjarakan sosial sejauh satu meter. Setelah itu, orang yang datang akan dihidangkan makanan dan minuman yang telah disediakan. Oleh itu, SOP haruslah dikekalkan di mana-mana tempat agar dapat mengurangkan penularan penyakit berjangkit ini.



Gambar 9: Peralatan Yang Disediakan Untuk Upacara *Ngetas Ulit* Di Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit

Sumber: Penduduk Kampung Tuai Rumah Lenus

Menurut Encik Lenus lagi, adat ngetas ulit ini masih dikekalkan walaupun negara sedang dilanda penularan penyakit berjangkit Covid-19. Menurut Encik Lenus, hanya berlaku beberapa perubahan seperti pemakaian mask seperti mana yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

Bagi Enik Christopher John, sesiapa yang jauh yang ingin memberi bantuan kepada keluarga si mati hendaklah mengirinkan wang melalui nombor akaun keluarga si mati. Manakala, bagi yang dekat, bantuan boleh dihantar terus ke keluarga si mati. Ini bagi memudahkan urusan orang yang jauh untuk memberi

bantuan kerana wajib mendapatkan permit dari pejabat polis untuk setiap pergerakan rentas daerah dan negeri pada ketika itu.



Gambar 10: Sukarelawan Rela Kanowit Memastikan SOP Diamalkan Semasa Upacara Ngetas Ulit Di Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit

Sumber: Penduduk Kampung Tuai Rumah Lenus

Selain itu, mereka juga harus mematuhi SOP seperti mana yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Pergerakan mereka turut dikawal oleh anggota RELA Kanowit agar tidak berlaku kemasukan orang luar ke kawasan rumah panjang tersebut.

Akhir sekali, adat 'ngulit' yang dijalankan oleh masyarakat Iban di kawasan rumah Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit berbeza dengan rumah panjang yang lain kerana semua penduduk di rumah panjang tersebut beragama Kristian. Namun, mereka tetap memberi penghormatan kepada keluarga si mati dan roh si mati walaupun mempunyai cara penyampaian yang berbeza.

4.3.2 Pantang Larang Sepanjang Adat Ngulit Dilaksanakan Di Rumah Panjang Lenus, Nanga Ranan, Kanowit

Setiap adat atau kepercayaan yang diamalkan mempunyai pantang larang yang harus diamalkan. Masyarakat Iban amat terikat dengan segala pantang larang yang telah dipraktikkan sejak dari dahulu lagi. Dalam konteks adat 'ngulit' ini, pantang larang

haruslah diamankan oleh keluarga terdekat si mati sepanjang tempoh ngulit atau berkabung. Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa roh si mati tidak tenteram jika pantang larang tersebut gagal diamankan. Menurut Encik Lenus, selepas tiga hari si mati dikuburkan, barulah semua penduduk sekitar keluar menjalankan aktiviti seharian di rumah mahupun keluar untuk kerja.

Mengikut kepercayaan masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, mereka tidak dibenarkan untuk mengambil apa-apa barang atau lauk daripada luar rumah. Ini kerana mereka percaya bahawa perkara sebegitu akan mendatangkan perkara buruk di rumah panjang tersebut. Sebagai contoh, tidak dibenarkan membawa sayur 'kemiding' (pucuk paku) dan 'upak'. Justeru itu, mereka tidak dibenarkan untuk menjalankan aktiviti di luar rumah selagi belum tamatnya 'bol tiga'. Menurut Encik Lenus, jika sayur seperti 'kemiding' dan 'upak' ke dalam rumah panjang, rumah panjang akan menjadi 'angat' (sial) seperti kematian berturut-turut yang akan menimpa di rumah Panjang berkenaan.

Selain itu, masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit tidak dibenarkan untuk 'bergawai' atau mengadakan sebarang majlis. Namun, jika telah berjanji untuk mengadakan sesuatu majlis seperti majlis perkahwinan sebelum berlakunya kematian, maka majlis tersebut boleh dijalankan tetapi hanya 'bersuak ke cincin' (menghantar cincin) sahaja dibenarkan. Tempoh ngulit akan ditejal atau 'tejal ulit' yang bermaksud tempoh ngulit akan dihentikan buat sementara waktu. Selepas tamatnya majlis tersebut, ngulit akan dijalankan seperti biasa sehingga tamatnya tempoh ngulit tersebut.

MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 11: Buku Adat Iban 1993

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Pengkaji telah menggunakan Buku Adat Iban 1993 untuk dijadikan sebagai rujukan pengkaji dalam mengenalpasti adat kematian dan juga pantang larang di tempat perkuburan masyarakat Iban. Buku Adat Iban 1993 ini bukan sahaja memperkenalkan adat kematian, malah memperkenalkan setiap adat yang diamalkan oleh masyarakat Iban seperti *Adat Bumai*, *Adat Berumah*, *Adat Pindah Ngagai Rumah Baru* dan *Adat Pemali Rumah*. Buku Adat Iban 1993 ini telah disahkan oleh Tan Sri Datuk Gerusin Lembat yang merupakan ketua di Majlis Adat Istiadat Sarawak. Semua ketua kampung di rumah panjang berpandukan buku adat ini dalam menentukan hukuman dan pantang larang.

Adat Pemati merujuk kepada maksud adat kematian. Setiap kematian yang berlaku dalam masyarakat Iban hendaklah mengikut adat dan peraturan yang telah ditetapkan sejak zaman berzaman. Manakala, *Pemali Pendam* pula merujuk kepada pantang larang yang harus diamalkan di tempat perkuburan masyarakat Iban samada dalam *pendam lama Iban* atau *pendam baru Iban*.

i) Pendam Lama Iban

Pendam Lama Iban bermaksud kubur lama bagi masyarakat Iban. Kini, kubur lama bagi masyarakat Iban sukar dilihat kerana ia terletak jauh di kawasan tengah-tengah hutan. Masyarakat Iban dahulu akan membawa *tajau* (tempayan) untuk diletak berdekatan dengan kubur si mati. *Tajau* tersebut merupakan pemberian terakhir

daripada keluarga si mati. *Tajau* tersebut dipanggil sebagai *tajau sebayan* (tempayan hantu).



Gambar 12: *Pendam Lama Iban*

Sumber: Google Images

ii. Pendam Baru Iban

Pendam Baru Iban merujuk kepada kubur baru bagi masyarakat Iban. Terdapat tanda salib di kawasan kubur tersebut. Ini kerana majoriti masyarakat Iban pada masa kini beragama Kristian.



Gambar 13: *Pendam Baru Iban*

Sumber: Google Images

Berdasarkan Buku Adat Iban 1993, setiap hukuman yang dikenakan ke atas pesalah adalah seperti *Mungkul*, *Kering Semangat*, *Kurung Semangat*, *Genselan Babi* dan *Manuk*. Setiap hukuman yang dikenakan mempunyai maksud tersendiri. Menurut

Encik Lenus, adat dan pantang larang dalam hal yang melibatkan kematian hendaklah dititikberatkan oleh semua penduduk rumah panjang. Berikut merupakan maksud hukuman adat Iban:

i. Mungkul

Mungkul membawa maksud kepada hukuman yang berbentuk wang ringgit. Setiap hukum adat *Mungkul* yang dikenakan akan digandakan mata duit. Sebagai contoh, *Mungkul 200*, maka yang dibayar oleh pesalah ialah empat ratus ringgit Malaysia.

ii. Kering Semangat

Kering semangat pula merujuk kepada hukuman yang dibayar dengan peralatan besi seperti *ilang* (parang) dan *duku* (pisau). Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa mereka akan dihindari daripada gangguan misteri atau roh-roh jahat dan mereka akan sentiasa kebal seperti besi.

iii. Kurung Semangat

Kurung Semangat pula merujuk kepada bayaran hukuman digantikan dengan *tajau*. Ini bertujuan agar roh-roh yang mati tidak berkeliaran ataupun marah selepas barang di kawasan kubur 'dikacau'. Masyarakat Iban percaya dengan adanya *tajau* ini dapat mengurung roh-roh yang berkeliaran di dalam *tajau* tersebut.

iv. Pelasi Menua

Pelasi Menua ini pula hukuman yang dibayar dengan pinggan dan duit. Ini bertujuan agar tempat ataupun kawasan tidak *kudik* (mengalami ribut dan hujan yang lebat).

v. *Genselan Babi*

Genselan Babi pula merujuk kepada hukuman yang berat yang dikenakan kepada pesalah. Masyarakat Iban akan menggunakan haiwan yang berkaki empat untuk membuat pengampunan terhadap kesalahan yang mereka lakukan. Babi (khinzir) akan dikorbankan dan darah babi tersebut akan dijadikan sebagai *genselan*.

vi. *Manuk*

Manuk pula merujuk kepada hukuman yang dikenakan untuk kesalahan-kesalahan yang ringan dan kecil. Manuk (ayam) ini juga boleh digunakan untuk kesalahan besar tetapi wajib dua ekor ayam untuk dikorbankan kerana setiap kesalahan besar perlulah mengorbankan haiwan berkaki empat. Hal ini akan dilakukan ketika dalam keadaan darurat. Sebagai contoh, tempat tersebut susah untuk mendapatkan khinzir yang masih hidup.

Bangkai urang ti parai enda tau dikubur ba tuchung bukit tauka kebun sekaligus ba temuda diri-empu. Enda tau enda dikubur ba pendam ti dikemendar di menua nya. Sebarang sapa ngelanggar atur tu kena ukum tiga pikul, Pelasi Menua Mungkul 200, babi siku, kering semengat ngau kurung semengat. Nambah ka nya bangkai urang ke parai nya enda tau enda dikali baru lalu di-anjung ngagai pendam ke bendar.

(Buku Adat Iban 1993: 56)

Buku Adat Iban 1993 tersebut menjelaskan bahawa mayat si mati tidak boleh dikuburkan di atas bukit dan di kebun walaupun tempat atau tanah tersebut kepunyaan mereka. Mayat si mati hendaklah dikuburkan di tanah perkuburan yang telah ditetapkan. Orang yang melanggar peraturan tersebut akan dikenakan hukuman seperti

mana yang telah ditetapkan di dalam adat tanah *pendam* (kubur). Mayat si mati hendaklah digali semula jika tidak ditanam di tanah perkuburan yang telah ditetapkan.

Sebarang sapa nebang kayu ninggang pendam tauka dalam kandang tanah pendam, kena ukum dua pikul. Nambah ka nya iya ke salah deka kena tunggu Mikul 150, genselan babi siku, kering semengat enggau kurung semengat, lalu nganti tauka mayar unkus pendam ti rusak.

(Buku Adat Iban 1993:56)

Petikan tersebut menjelaskan tentang hukum adat kepada sesiapa yang menebang kayu di kawasan perkuburan. Orang yang menebang kayu dan kayu tersebut jatuh lalu menghempap kawasan perkuburan, maka orang tersebut akan dihukum kerana telah membawa kerosakan di kawasan perkuburan tersebut.

Sebarang sapa ngangus ke pendam, kena ukum tengah dua pikul. Nambah ka nya iya ke salah deka ngisi tunggu Mungkul 150, genselan babi siku, kering semengat enggau kurung semengat, lalu nganti tauka mayar unkus ti rusak.

(Buku Adat Iban 1993: 56)

Petikan tersebut menjelaskan tentang hukum adat kepada orang yang sengaja membawa kebakaran atau kehangusan di tempat perkuburan. Pesalah akan dikenakan hukum seperti mana yang telah ditetapkan serta harus membawa ganti rugi terhadap kerosakan yang berlaku.

Sebarang sapa ngachau kubur tauka ngerusak perengka sebyan ba pendam kena tunggu Mikul 150, genselan manuk siku enggau kering semengat.

(Buku Adat Iban 1993:56)

Petikan tersebut menjelaskan tentang hukum adat kepada sesiapa yang mengganggu atau mengusik barang iringan si mati akan dikenakan hukuman seperti mana yang telah ditetapkan dalam buku adat masyarakat Iban.

Sebarang sapa ngali tauka nyengkubang bangkai ari pendam deka tinggang adat baka ke dibaruh tu:

- a) Nyengkubang tauka ngali bangkai, kena ukum tiga pikul lalu ngisi tunggu Mungkul 250 ka tiap-tiap bangkai. Pelasi Menua babi siku, kering semengat enggau kurung semengat. Nambah ka nya iya ti salah ddeka mayar unkus ngadu ke kubur nya baru tauka bayar pengerusak kubur.
- b) Enti pengawa ngali bangkai nya ari atur Court, nadai kena ukum, tang Opis Perintah ke ngereja pengawa nya, deka ngisi Adat Pelasi Menua babi, siku, kering semengat enggau kurung semengat, lalu mayarungkus unkus ngadu ka kubur nya baru sereta lalu nganti pengerugi bukai.
- c) Enti pengawa ngali bangkai nya ketegal deka ngambi baiya orang mati, urang ke ngereja penyalah nya kena tinggang adat baka ba section 191(a) dalam Adat Iban.

(Buku Adat Iban 1993: 56-57)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa kepada sesiapa yang menggali kubur dengan berniat jahat atau buruk, mereka akan dikenakan hukuman seperti mana yang telah ditetapkan dalam Adat Iban. Jika kes tersebut di bawa ke mahkamah, maka hukuman akan dijatuhkan mengikut budi bicara hakim. Namun, pesalah juga tetap dikenakan hukum adat Iban dan haruslah membayar ganti rugi ke atas kerosakan yang berlaku.

Sebarang sapa ngachau tauka ngambi baiya urang ba pendam, kena ukum dua pikul lalu ngisi tunggu Mungkul 200, genselan babi siku, kering semangat enggau kurung semangat, lalu baiya nya dianjung pulai ngagai kubur tauka diganti, enti udah rusak.

(Buku Adat Iban 1993: 57)

Petikan tersebut menjelaskan kepada sesiapa yang mengusik atau mencuri barang iringan si mati di kubur akan dikenakan hukuman yang telah ditetapkan dalam adat Iban. Mereka juga haruslah mengembalikan semula barang yang dicuri dan membayar ganti rugi jika barang tersebut didapati mengalami kerosakan.

Sebarang sapa niki ka bangkai tauka senubung ke ruah meri adat genselan babi siku.

(Buku Adat Iban 1993: 23)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa sebelum membawa mayat si mati ke dalam rumah panjang, penghuni rumah panjang hendaklah mengorbankan seekor babi

terlebih dahulu. Manakala jika keranda yang terlebih dahulu masuk daripada mayat, maka dua ekor ayam akan dikorbankan.

Enti ruai kepit bangkai, bilik urang ti empu pemat sepia-sepia
meri adat genselan manuk siku, kering semengat enggau kurung
semengat.

(Buku Adat Iban 1993: 23)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa jika kematian yang berlaku melibatkan dua bilik yang berbeza dalam satu masa, maka mereka akan dikenakan hukum adat dengan mengkorbankan seekor ayam, membayar hukum dengan *parang* dan *tajau*.

Urang ke bepadah mati ari rumah urang ke parai enda tau niki
ba rumah urang ke dipadah. Sebarang sapa ngelanggar adat tu,
kena tunggu Mungkul 2. Tang enti rumah bukai nampung padah
nadai pemali niki.

(Buku Adat Iban 1993:24)

Petikan tersebut menjelaskan kepada sesiapa yang ada di dalam rumah panjang dan mengetahui akan kematian yang berlaku tidak akan dibenarkan untuk masuk ke rumah si mati. Ini kerana pelaku harus dihukum terlebih dahulu iaitu dengan 'Mungkul 2'. Namun, jika rumah panjang yang lain diberitahu akan kematian berkenaan, mereka tidak akan dikenakan hukum adat.

Menurut Encik Christopher John, beliau menyatakan *tejal ulit* akan berlaku dalam kes tertentu. '*Tejal ulit*' membawa maksud kepada dihentikan buat seketika. '*Tejal ulit*' ini tidak boleh dijalankan sesuka hati. Ini kerana ia akan berlaku semasa

membuat perjanjian sebelum berlakunya kematian. Pada masa kini, '*tejal ulit*' sangat jarang berlaku kerana kebanyakan masyarakat Iban berkahwin di restoran, hotel dan juga di gereja.

Manakala *Tampung ulit* ini akan berlaku apabila berlakunya jarak kematian yang dekat. Sebagai contoh, tempoh *ulit* si mati belum habis *diketas* dan berlakunya kematian yang baru, maka hari *ngetas ulit* mereka akan disertakan sekali. Ini bagi mengelakkan rumah panjang tersebut *angat* (sial).

Selain itu, pantang larang yang diamalkan di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit tidak boleh berbuat bising seperti bernyanyi dan 'manjong' (berteriak). Jika berlakunya perkara sedemikian, maka mereka akan dihukum atas budi bicara keluarga terdekat si mati dan ketua rumah panjang. Pesalah akan 'ditugung' (dihadap) di ruai untuk membincangkan kesalahan yang telah dilakukan bersama ketua rumah panjang tersebut. Ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pesalah agar tidak mengulangi kesalahan yang sama. Sebagai contoh, pesalah akan dikenakan hukuman adat 'Mengkung Empat' dan 'Mengkung Lapan'.

Namun, menurut Encik Christopher John, 'manjong' untuk kecemasan boleh dilakukan seperti berteriak untuk meminta pertolongan. Namun, jika disengajakan, mereka akan dijatuhkan hukuman dalam bentuk wang ringgit. Berikut merupakan jenis hukum 'Mengkung Empat' dan 'Mengkung Lapan':

i. Mengkung Empat

Hukuman dijatuhkan terhadap pesalah berbentuk denda dalam wang ringgit iaitu sebanyak empat ringgit Malaysia.

ii. Mengkung Lapan

Hukuman dijatuhkan terhadap pesalah berbentuk denda dalam wang ringgit iaitu sebanyak lapan ringgit Malaysia.



Gambar 14: Pengkaji Sedang Menemu Bual Encik Christopher John
Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Di samping itu, masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Ruah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit tidak dibenarkan untuk membeli atau membawa masuk ‘pengereja’ ke dalam rumah panjang. ‘Pengereja’ bermaksud barang yang baru sahaja dibeli dalam jumlah atau bentuk yang besar seperti barang ‘kemas’ (emas). Sesiapa yang memakai emas tidak dibenarkan untuk masuk ke dalam rumah atau bilik keluarga si mati tetapi mereka hanya dibenarkan untuk duduk di ruai keluarga si mati. Jika mereka didapati bersalah dengan kesalahan tersebut, mereka akan dikenakan hukum adat seperti mana yang telah ditetapkan.

- i. Contoh barang Pengereja
 1. Kereta baru
 2. Motosikal baru
 3. Almari
 4. Emas

Pantang larang ‘adat ngulit’ di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit sangat senang untuk diamalkan kerana kebanyakan pantang larang yang diamalkan adalah berdasarkan kepada adat baru. Berbanding dengan adat lama, ‘adat ngulit’ sangat sulit untuk diamalkan kerana keluarga terdekat si mati akan menjalani tempoh *ulit* selama sebulan, manakala adat baru adalah dua minggu sahaja.

Selepas tamatnya tempoh *ulit*, masyarakat Iban di kawasan Tuai Rumah Lenus akan melakukan upacara *nyungkup* (proses menyiapkan kubur si mati) di kubur. Selain

daripada menyambut hari *Gawai Dayak*, masyarakat Iban turut menyambut beberapa hari gawai lain seperti *Gawai Kenyalang* (permulaan musim menanam padi), *Gawai Burong* (perayaan berkaitan dengan petanda atau mimpi yang tidak baik), *Gawai Besimpan* (perayaan kesyukuran setelah selesai menuai) dan *Gawai Antu* (perayaan untuk roh orang-orang yang telah meninggal).

Sambutan hari *Gawai Antu* memerlukan tempoh yang lama untuk diadakan. Ini kerana sambutan ini memerlukan persiapan yang sangat rapi dan tidak boleh diambil ringan oleh masyarakat Iban. *Ketuai rumah* akan mengadakan satu mesyuarat iaitu *baum* (berbincang) dengan penduduk rumah panjang.



Gambar 15: Masyarakat Iban Menyambut Hari *Gawai Antu*

Sumber: Google Images

Terdapat beberapa perkara wajib yang perlu dilaksanakan iaitu *Gawai Beban Ramu* yang merupakan satu ritual adat untuk membina tempat persinggahan buat para tetamu yang hadir dan diikuti dengan upacara *ngeratok* yang merupakan atur cara mengambil kayu-kayuan dari hutan untuk membina *sungkup*. *Sungkup* akan dibina di bahagian hadapan rumah panjang yang dipanggil sebagai *tanju*.

Pada hari kumuncak sambutan hari *Gawai Antu*, tetamu akan tiba dengan pelbagai kerenah serta ragam. Mereka akan berpakaian seperti *sebayan* (hantu) dan biasanya tetamu yang diundang adalah tinggal berhampiran rumah panjang tersebut dan saudara-mara yang datang dari jauh. Beberapa das tembakan akan dilepaskan ke arah

langit dan pukulan *taboh* akan mula berkemundang. Tetamu yang datang akan dihidangkan dengan *ai tuak*.

Tuai Rumah akan mengalu-alukan kedatangan para tetamu dengan ucapan leka geliga. Selesai ucapan dari *Tuai Rumah*, *lemambang* akan mula *nimang jalong* (mantera yang dilagukan oleh *lemambang*). *Lemambang* akan mengelilingi rumah panjang tersebut dengan mengalunkan mantera dan aluan mantera tersebut mempunyai maksudnya yang tersendiri. Terdapat juga kaum wanita yang berpakaian lengkap *ngapan iban* mengiringi *lemambang* untuk mengelilingi rumah panjang tersebut.

Menurut Encik Christopher John, perayaan *Hari Gawai Antu* ini tidak lagi diamalkan di kawasan rumah panjang mereka kerana kebanyakan penduduk di kawasan rumah panjang ini beragama Kristian. Ini kerana mereka tidak lagi mengikuti ajaran yang telah dipraktikkan oleh nenek moyang mereka, malah mereka telah mengikut ajaran baru seperti mana ajaran dalam agama Kristian tetapi mereka tetap tidak melupakan air minuman tradisional mereka iaitu *air tuak* sebagai hidangan kepada tetamu yang datang. Oleh itu, adat Iban tetap mereka amalkan selagi tidak terpesong daripada ajaran baru mereka.

Menurut Encik Lenus, walaupun kebanyakan penduduk rumah panjang mengamalkan ajaran Kristian, ibu bapa mereka tidak menghalang anak-anak mereka untuk mempelajari serta melibatkan diri dalam adat Iban. Ini kerana setiap adat yang diamalkan oleh masyarakat Iban membawa kebaikan kepada semua orang yang mengamalkannya seperti adat *Melah Pinang*, adat *Jadi Mali* dan adat *Nguai/Ngugi*.

Manakala menurut Matthew Larry yang merupakan salah seorang responden untuk generasi muda menyatakan bahawa adat 'ngulit' ini merupakan salah satu adat yang unik yang mana masyarakat Iban saling tolong-menolong antara satu sama lain ketika mengalami kesusahan. Ini terbukti ketika upacara 'nguan ulit' dijalankan yang mana semua penduduk rumah panjang *Tuai Rumah Lenus*, *Nanga Ranan*, *Kanowit*

akan menolong keluarga si mati seperti memasak, menyediakan air minuman dan juga mencuci pinggan. Sementara itu, seorang lagi responden bernama Ijan menyatakan bahawa adat 'ngulit' ini sangat unik berbanding dengan adat kematian kaum lain. Ini kerana ramai sahabat yang datang dari jauh semata-mata untuk mengikuti upacara adat ngulit ini.

4.3.3 Langkah Pemeliharaan Dan Pengekalan Adat Dalam Masyarakat Kaum Orang Iban Di Kawasan Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Lenus, Nanga Ranan, Kanowit

Pada masa kini, adat ngulit ini merupakan salah satu adat yang masih kekal dan masih lagi diamalkan oleh masyarakat Iban. Adat 'Ngulit' ini hanya digunakan apabila berlakunya kematian. Namun, adat ngulit ini mungkin sedikit berbeza di sesetengah tempat atau rumah panjang. Ia bergantung kepada orang yang mengatur adat ngulit ini iaitu 'ketuai ulit'. Oleh itu, langkah pemeliharaan dan pengekalan adat ini terutamanya di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit haruslah diambil serius oleh semua masyarakat Iban.

Dalam proses memelihara dan pengekalan adat 'ngulit' ini sememangnya harus dipraktikkan oleh semua masyarakat Iban amnya. Ini disebabkan oleh arus pemodenan yang sangat pesat telah menyebabkan adat-adat sebegini kian terhakis dan semakin dilupakan. Oleh itu, 'ketuai adat' atau ketua rumah panjang haruslah memainkan peranan yang penting dalam melestarikan adat 'ngulit' ini agar dapat dikekalkan.

Ketuai adat atau ketua rumah panjang haruslah memainkan peranan yang penting dalam memelihara dan mengekalkan adat ini di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Menurut Encik Lenus, adat ngulit lama dan baru ini mempunyai perbezaan yang ketara kerana beradaptasi dengan perubahan zaman tetapi adat dan kepercayaan hendaklah dikekalkan. Manakala, menurut Matthew Larry pula, adat ngulit ini memberikan kesan positif kerana kita dapat melihat kerjasama antara satu sama lain ketika berlakunya kematian. Berbanding dengan rumah sendiri, kita hanya

menguruskan si mati dengan keluarga terdekat sahaja tetapi di rumah panjang, semua penduduk akan turun untuk membantu keluarga yang mengalami kesusahan. Matthew Larry juga menegaskan bahawa hal sebegini secara tidak langsung dapat mengekalkan hubungan silaturrahim dengan penduduk rumah panjang yang lain. Oleh itu, kita janganlah memisahkan setiap adat yang telah diamalkan oleh nenek moyang kita walaupun sudah mempunyai agama baru.

Seterusnya, *ketuai adat* hendaklah sentiasa memberi atau berkongsi ilmu mengenai adat-adat masyarakat Iban kepada generasi baru. Sebagai contoh, 'ketuai adat' harus membawa semua generasi muda untuk 'betugung' (berkumpul) di ruai sambil bercerita tentang bagaimana sesuatu adat itu dijalankan. Ini bagi memastikan generasi baru dapat memahami walaupun tidak pernah mengalami atau melibatkan diri dalam adat seperti 'adat jadi mali', 'adat nguai', 'adat meri anak mit mandi' dan sebagainya. Melalui perkongsian tersebut, pengkaji percaya bahawa bukan adat ngulit sahaja perlu dikekalkan, malah adat-adat yang lain juga dapat dikekalkan kerana ia mampu untuk memupuk minat terutamanya kepada generasi muda untuk mempelajari adat masyarakat mereka. Manakala, menurut Mathhew Larry, adat ngulit ini patut dikekalkan kerana semasa upacara tersebut berlangsung, mereka dapat mengenal satu sama lain. Ini kerana adanya saudara mara yang jauh datang untuk upacara tersebut kerana tidak sempat datang semasa mayat si mati dibawa ke rumah panjang. Hal ini juga secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama ahli keluarga.

Ketuai adat juga perlu mempratikkan tentang hukum adat Iban kepada semua penduduk rumah panjang di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Ini kerana di setiap rumah panjang mempunyai carta organisasi tersendiri. Sebagai contoh, ketua adat hendaklah melaksanakan mesyuarat untuk membuat dan melantik biro khas yang dianggotai oleh generasi muda berkenaan dengan setiap adat yang diamalkan di rumah panjang tersebut. Ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada generasi muda yang lain bahawa bukan orang lama atau orang tua sahaja boleh mengetuai sesuatu adat tetapi generasi muda juga boleh mengetuai sesuatu adat. Oleh itu, dengan mempratikkan hukum adat tersebut, ia mampu untuk memelihara dan mengekalkan adat yang sekian lama telah dipraktikkan dan diwarisi.

Ketua adat juga hendaklah menubuhkan satu ruangan khas untuk tempat menyimpan buku adat yang telah disahkan oleh Majlis Adat Sarawak dan pihak penguasa tempatan. Ini bertujuan untuk memastikan semua masyarakat Iban terutamanya penduduk rumah panjang di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit dapat berpandukan kepada setiap adat yang ada di dalam buku tersebut. Selain itu, ia juga mampu untuk menambah ilmu yang baru mengenai sesuatu adat seperti mempelajari tentang pantang larang sesuatu adat. Ini kerana penglibatan generasi muda pada masa kini dalam menguruskan sesuatu adat semakin sedikit kerana kebanyakan mereka takut untuk mencuba mengetahui sesuatu adat disebabkan tidak tahu tentang hukum adat tersebut. Justeru itu, dengan adanya buku-buku adat tersebut, ia mampu untuk memberi keyakinan dan keberanian kepada generasi muda untuk mengetahui sesuatu adat sekaligus mampu memelihara dan mengekalkan adat terutamanya dalam adat ngulit.

Ketua adat perlu mempunyai pergaulan yang rapat dengan ketua rumah panjang kaum Dayak yang lain seperti kaum Bidayuh, Melanau, Kayan dan Kenyah. Ini bagi memastikan mereka dapat berkongsi pendapat bagaimana cara untuk memelihara dan mengekalkan sesuatu adat itu. Sebagai contoh, satu program lawatan ke rumah panjang yang lain dengan melibatkan semua penduduk rumah panjang di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Ini kerana apabila kita ke rumah panjang kaum lain, kita juga dapat mempelajari adat mereka seperti 'Adat Ngalu Temuai' iaitu adat menyambut tetamu. Ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran terutamanya kepada generasi muda tentang bagaimana untuk membimbing sesuatu adat.



Gambar 16: Tarian Ngajat Untuk Menyambut Kedatangan Tetamu Ke Rumah Panjang

Sumber: Google Images

Peranan ibu bapa juga penting dalam memelihara dan mengekalkan adat dalam masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Ini kerana ibu bapa haruslah memberi galakan kepada anak mereka untuk melibatkan diri dalam sesuatu adat dan seterusnya memberi galakan untuk anak-anak mempelajari kebudayaan masyarakat Iban di Negeri Sarawak. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi kesan positif kepada anak-anak tersebut kerana mereka dapat mempelajari bagaimana adat dan kebudayaan terutamanya adat ngulit itu dijalankan dan ini sekaligus mampu memelihara dan mengekalkan sesuatu adat bagi masyarakat Iban amnya.

Di samping itu, ibu bapa hendaklah memberi tunjuk ajar kepada anak-anak mereka untuk mempelajari tentang adat-adat masyarakat Iban. Hal ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada anak-anak tentang kepentingan memelihara dan pengekaln adat serta budaya yang ada di Negeri Sarawak. Sebagai contoh, ibu bapa perlu memberi tunjuk ajar dalam pembuatan kuih tradisional Iban, pembuatan 'ai tuak' dan juga memberi tunjuk ajar dalam kebudayaan seperti tarian Ngajat. Dengan ini, jelaslah bahawa dengan memberi tunjuk ajar tentang adat kepada anak-anak mampu untuk memelihara dan mengekalkan adat masyarakat Iban termasuklah di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit.

Menurut Matthew Larry, ibu bapa harus memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan adat ini. Ini kerana ibu bapa harus memberi galakan kepada anak-anak mereka dalam melibatkan diri dengan adat sebegni. Hal ini penting kerana kebanyakan ibu bapa pada masa kini hanya memberikan telefon pintar kepada anak mereka. Hal ini telah menyebabkan anak-anak mereka tidak mendapat pendedahan seperti pendedahan mengenai adat ngulit ini. Adat ngulit ini memberikan kesan positif kerana kita dapat melihat kerjasama antara satu sama lain ketika berlakunya kematian. Berbanding dengan rumah sendiri, kita hanya menguruskan si mati dengan keluarga terdekat sahaja tetapi di rumah panjang, semua penduduk akan turun untuk membantu keluarga yang mengalami kesusahan. Matthew Larry juga menegaskan bahawa hal sebegini secara tidak langsung dapat mengekalkan hubungan silaturrahim dengan penduduk rumah panjang yang lain. Manakala, menurut Ijan, dia juga menyatakan

bahawa generasi muda harus berani untuk mempelajari sesuatu adat. Ini kerana kebanyakan adat hanya diketuai oleh orang yang lebih berumur.



Gambar 17: Pengkaji Sedang Menemubual Ijan Dalam Menjalankan Kajian Ini

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Generasi muda di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit juga turut memainkan peranan yang penting dalam melestarikan adat masyarakat Iban. Generasi muda hendaklah bijak dalam menggunakan teknologi yang ada pada hari ini. Penggunaan teknologi seperti internet boleh digunakan oleh generasi muda untuk mendapatkan maklumat atau mempelajari sesuatu adat. Bagi yang gemar bermain *Facebook*, mereka juga boleh mencari maklumat di situ dengan mudah iaitu hanya menaip adat apa yang hendak mereka pelajari dan akan keluar '*page*' atau laman untuk adat tersebut. Bukan setakat adat masyarakat Iban, malah adat kaum lain juga boleh mereka pelajari.

Namun, teknologi juga turut memberi impak negatif terutamanya kepada generasi muda. Menurut Alex, salah satu halangan dalam pengekalan adat ngulit ini adalah kebanyakan generasi muda malas untuk mempelajari termasuklah adat ngulit ini. Ini kerana mereka lebih meluangkan masa dengan gajet yang telah sedia ada pada masa kini. Menurut Alex lagi, adat ngulit ini merupakan satu adat yang unik dan penuh dengan adab serta sopan santun. Ini kerana semasa upacara tersebut dijalankan, masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit akan melibatkan semua pihak yang ada di rumah panjang tersebut. Hal ini akan dibalas apabila terdapatnya keluarga yang mengalami kesusahan. Ibarat kata pepatah, buat baik dibalas baik, buat jahat dibalas jahat. Oleh itu, adat ini perlu dikekalkan kerana ia merupakan salah satu cara kita menghormati orang yang sudah

mati. Justeru, dengan adanya adat sebegini, si mati akan lebih tenang di alam baru kerana telah disempurnakan atau disemadikan menerusi adat ngulit ini. Oleh itu, adat sebegini perlulah dikekalkan agar generasi yang akan datang dapat mempelajari adat berkenaan.



Gambar 18: Pengkaji Sedang Menemubual Matthew Larry Yang Merupakan Seorang Generasi Muda Di Kawasan Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Menurut seorang responden yang bernama Etin, perkembangan teknologi yang semakin pesat pada hari ini merupakan salah satu halangan utama dalam mengekalkan adat ngulit ini. Ini kerana generasi pada masa kini menggunakan teknologi seperti telefon pintar untuk menonton *youtube* dan juga bermain *game*. Selain itu, menurut Matthew Larry pula, beliau menyatakan bahawa pengaruh budaya luar turut menjadi halangan dalam pengekalan sesuatu adat terutamanya adat ngulit. Ini kerana generasi muda pada masa kini sangat mudah terpengaruh dengan budaya barat terutamanya. Hal ini kerana kebanyakan budaya barat tidak mempunyai agama dan adat dalam menguruskan kematian.



Gambar 19: Pengkaji Menemubual Alex Dalam Menjalankan Kajian Adat Ngulit Ini.

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Pihak sekolah juga turut memainkan peranan penting dalam memelihara dan pengekal adat masyarakat Iban dengan memperkenalkan satu silibus yang baru dalam buku teks Bahasa Iban iaitu silibus berkenaan adat mampu untuk memberi peluang dan ruang kepada para pelajar untuk mempelajari adat masyarakat Iban. Dengan ini, para pelajar dapat mempelajari pelbagai adat yang mungkin belum mereka dengar atau lihat sebelum ini. Sebagai contoh, 'adat nguai' yang bermaksud mana-mana pasangan yang sanggup 'nguai' sama ada pasangan lelaki atau pasangan perempuan akan tinggal bersama di rumah panjang untuk menjaga bilik atau rumah di rumah panjang agar ada orang yang tinggal. Namun, adat ini semakin kurang diamalkan oleh pasangan yang baru sahaja berkahwin kerana pada kerana kebanyakan pasangan yang telah berkahwin tinggal bersama di bandar dan tidak lagi tinggal di rumah panjang.

Peranan media massa juga turut mempengaruhi dalam memelihara dan pengekal adat masyarakat Iban. Ini kerana media massa merupakan satu alternatif yang baik dan bagus dalam menceritakan atau mempromosikan sesuatu warisan dan budaya kaum tertentu. Media massa turut menyediakan info-info yang terkini mengenai Negeri Sarawak. Sebagai contoh, program TVS Sarawak banyak mempromosikan tentang adat masyarakat Iban agar semua lapisan masyarakat dapat melihat dan mempelajari adat tersebut. Menurut Alex, adat ini perlu dikekalkan kerana ia merupakan salah satu cara kita menghormati orang yang sudah mati. Justeru, dengan adanya adat sebegini, si mati akan lebih tenang di alam baru kerana telah disempurnakan atau disemadikan menerusi adat ngulit ini. Oleh itu, adat sebegini perlulah dikekalkan agar generasi yang akan datang dapat mempelajari adat berkenaan.

Kesimpulannya, generasi muda di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit masih lagi ingin mengekalkan adat mereka.. Ini kerana mereka mengaggap bahawa adat ini sangat penting dan tidak seharusnya dilupakan walaupun sudah mempunyai agama masing-masing. Oleh itu, mereka harus mempelajari adat ini dengan melibatkan diri mereka dalam adat tertentu. Justeru, langkah memelihara dan pengekal adat dalam masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit hendaklah dilakukan secara bersama terutamanya oleh ketua adat, ibu bapa dan juga generasi muda. Hal ini kerana setiap pihak memegang peranan

yang penting terutamanya ibu bapa dengan cara memberikan sokongan yang positif kepada anak-anak untuk mempelajari tentang adat dan kebudayaan masyarakat Iban. Selain itu, program melawat seperti lawatan dari rumah panjang ke rumah Panjang yang lain amat baik untuk dijalankan. Hal ini penting agar semua penduduk yang terlibat dapat melihat dan mempelajari tentang sesuatu adat.

BAB V

PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Tidak dapat dinafikan bahawa negara kita Malaysia sememangnya mempunyai adat resam yang pelbagai. Ini terbukti melalui adat ngulit dalam masyarakat Iban yang terikat dengan pelbagai pantang larang yang harus diamalkan sepanjang tempoh ulit dijalankan. Adat ngulit ini telah diamalkan dari zaman ke zaman sepertimana yang telah dipraktikkan oleh nenek moyang mereka bagi memberi penghormatan terakhir kepada si mati.

Negeri Sarawak merupakan sebuah negeri yang terbesar di Malaysia yang kaya dengan adat dan budayanya yang tersendiri. Ini kerana terdapat pelbagai etnik kaum yang tinggal hidup bersama dalam suasana yang harmoni. Antara suku kaum yang ada di Sarawak adalah seperti Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Murut, Melanau, Kayan, Kenyah, Kelabit, Iban Selakau, Lun Bawang dan Punan. Oleh itu, tidak hairanlah negeri Sarawak mempunyai adat dan kepercayaan yang berbeza mengikut etnik masing-masing.

Adat ngulit dalam masyarakat Iban sangat terikat dengan pantang larang sepertimana yang telah dipraktikkan oleh nenek moyang mereka. Mereka percaya bahawa jika pantang larang tersebut dilanggar, mereka percaya nasib buruk akan menimpa rumah

panjang tersebut. Namun begitu, pesalah yang melanggar pantang larang tersebut akan dikenakan hukuman mengikut hukum adat Iban bagi Selain itu, adat ngulit ini terikat dengan upacara yang lain seperti ‘nguan ulit’, ‘ngetas ulit’, ‘entebalu/antu-balu’ dan ‘nyungkup’. Upacara ini akan diketuai oleh ‘ketuai adat’ atau orang yang mengetahui adat ini dengan mendalam. Ini kerana setiap upacara yang dilakukan terikat dengan beberapa unsur mistik. Sebagai contoh, semasa perayaan ‘Hari Gawai Antu’, masyarakat Iban menggunakan ‘lemambang’ untuk mengetuai upacara ini. Ini kerana ‘lemambang’ akan mengalunkan mantera ‘nimang jalong’ yang mempunyai maksudnya yang tersendiri. Justeru, adat ngulit ini akan diketuai oleh orang yang mengetahui adat ini dengan mendalam agar mereka tidak ‘alah ayu’.

5.1 PERBINCANGAN

Adat Ngulit suku kaum Iban ini perlu dipelihara kerana ia merupakan satu adat yang unik dan penuh dengan nilai murni. Ini kerana masyarakat Iban pada zaman dahulu hidup di kawasan rumah panjang dan semua penduduk akan turun untuk menolong keluarga yang mengalami kesusahan. Hal ini sekaligus dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara mereka yang hidup dalam satu kelompok yang besar. Setiap kaum, bangsa dan etnik akan menjalankan adat kematian untuk memberi penghormatan terakhir kepada si mati walaupun ia dijalankan dalam adat dan kepercayaan yang berbeza. Masyarakat Iban akan melakukan adat ‘ngulit’ ketika berlakunya kematian mengikut ajaran yang telah dipraktikkan oleh nenek moyang mereka.

Namun begitu, adat ‘ngulit’ mempunyai perbezaan yang sedikit dan ia bergantung kepada tempat dan juga ‘ketuai ulit’. Ini kerana masyarakat Iban di Sarawak pada masa kini ada yang tinggal di rumah panjang dan ada yang tinggal di kediaman sendiri seperti di kawasan bandar. Perbezaan yang dapat dilihat dalam adat ngulit ini ialah terdapat sesetengah kawasan atau rumah panjang yang masih lagi mengamalkan adat lama dan sesetengah kawasan lain mengamalkan adat kematian dengan adat baru iaitu mengikut ajaran Kristian. Selain itu, adat ‘ngulit’ ini juga mempunyai pantang larang tersendiri sepanjang tempoh ngulit dijalankan. Pantang

larang tersebut wajib diamalkan bagi mengelakkan berlakunya nasib buruk atau malapetaka berlaku terutamanya terhadap kawasan rumah panjang tersebut. Jika pantang larang tersebut dilanggar ataupun tidak diamalkan, maka pesalah akan dikenakan hukuman sepertimana yang telah ditetapkan dalam hukum adat masyarakat Iban. Antara perbincangan yang dapat dilihat adalah bagaimana adat ngulit ini dijalankan di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, pantang larang yang diamalkan sepanjang adat ngulit dilaksanakan dan langkah memelihara dan mengekalkan adat ini dalam masyarakat Iban.

5.1.1 Atur Cara Adat Ngulit Dilaksanakan Di Kawasan Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus

Hasil daripada kajian ini menunjukkan adat 'ngulit' ini tidak mempunyai perbezaan yang ketara berbanding di kawasan rumah panjang yang lain. Ini terbukti melalui tempoh ulit dan penggunaan tali ulit yang digunakan oleh keluarga si mati masih lagi diamalkan hingga ke hari ini. Perbezaan yang dapat dilihat ialah cara mereka menjalankan upacara adat ngulit ini samada mengikut adat lama ataupun adat baru. Ini kerana adat lama lebih kepada kepercayaan animisme, manakala adat baru mengikut ajaran Kristian.

Persediaan sepanjang adat ngulit ini dilaksanakan turut melibatkan beberapa upacara atau ritual tertentu. Antaranya ialah upacara 'nguan ulit', 'ngetas ulit', 'entebalu' dan 'nyungkup'. Mengikut adat lama, orang yang mengetuai upacara tersebut hendaklah lebih berumur atau tua daripada umur si mati bagi mengelakkan daripada 'alah ayu'. Namun, penduduk di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus tidak memilih siapa yang hendak mengetuai upacara tersebut asalkan mereka sihat tubuh badan kerana masyarakat di rumah panjang tersebut mengikut ajaran adat baru.

Mengikut adat lama, tempoh ulit akan dilakukan selama satu bulan kerana masyarakat Iban pada ketika itu tinggal bersama di rumah panjang. Manakala, tempoh

ulit mengikut adat baru hanyalah dua minggu kerana kebanyakan masyarakat Iban telah berhijrah ke luar negeri atas tujuan berkerja. Oleh itu, semua keluarga terdekat si mati akan balik ke rumah panjang untuk menjalankan upacara ‘nguan ulit’, ‘ngetas ulit’, ‘entebalu’ dan ‘nyungkup’.

Sepanjang menjalankan tempoh ‘ngulit’, keluarga terdekat si mati akan memakai ‘tali ulit’ di lengan kanan mereka. Ini kerana untuk ‘kelaik’ (tanda), mereka sedang menjalankan tempoh ‘ngulit’. ‘Tali ulit’ tersebut akan diketas setelah cukup tempoh ngulit atau lebih tepatnya semasa upacara ‘ngetas ulit’ dilaksanakan. Oleh itu, mereka yang melihat tali ulit tersebut akan menghormati orang yang memakai tali ulit tersebut bagi menghormati pemergian keluarga yang tercinta.

5.1.2 Pantang Larang Yang Diamalkan Sepanjang Tempoh Adat Ngulit Dilaksanakan Di Kawasan Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus

Setiap adat yang diamalkan wajib ada pantang larang yang perlu diamalkan setiap masyarakat yang mengamalkan adat tertentu. Adat ngulit dalam masyarakat mempunyai banyak pantang larang yang perlu diamalkan terutamanya kepada keluarga terdekat si mati. Masyarakat Iban percaya walaupun sudah mempunyai agama masing-masing, pantang larang dalam sesuatu adat hendaklah diamalkan. Ini terbukti melalui adat ngulit ini sendiri di mana pantang larang adat tersebut turut diamalkan cucu-cicit mereka sendiri.

Pantang larang dalam adat ngulit ini mempunyai unsur-unsur mistik dalam bab tertentu. Ini kerana masyarakat Iban percaya apabila berlakunya kematian roh-roh yang sudah mati akan berkeliaran di kawasan rumah panjang si mati tersebut bagi menyambut kedatangan roh si mati tersebut ke ‘batang mandai’. Selain itu, masyarakat Iban juga percaya bahawa roh si mati masih lagi tinggal di rumah tersebut kerana si mati akan mengetahui dirinya sudah mati apabila selesainya upacara ngetas ulit. Unsur mistik ini jelas kelihatan apabila keluarga si mati akan menyediakan

makanan si mati pada waktu pagi, petang dan malam serta dibuang di hujung di bilik atau rumah panjang.

Selain daripada itu, pesalah yang melanggar pantang larang sepanjang tempoh adat ngulit ini dilaksanakan akan dikenakan 'hukum' mengikut hukum adat Iban. Pesalah akan 'ditugung' (dihadapkan) ke ruai tuai rumah untuk membincangkan hukuman yang patut dikenakan kepada pesalah. Di samping itu, penduduk di rumah panjang tersebut juga tidak dibenarkan untuk membawa masuk atau membeli barang pengeraja seperti almari, barang kemas, almari, kereta dan motosikal. Ini kerana mereka dianggap tidak menghormati keluarga yang mengalami kesusahan tersebut dan ia patut dihukum mengikut hukum adat Iban yang telah ditetapkan.

Setelah tamatnya upacara ngetas ulit, masyarakat di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus boleh meneruskan aktiviti harian mereka seperti biasa. Manakala, adat ngulit tidak diamalkan oleh keluarga terdekat si mati kerana tempoh adat ngulit sudah tamat. Namun begitu, mereka tetap melawat kubur si mati seperti melakukan gotong-royong bersama penduduk kampung agar tempat perkuburan tersebut sentiasa bersih.

5.1.3 Langkah Untuk Memelihara Dan Pengekalan Adat Dalam Masyarakat Kaum Iban Di Kawasan Rumah Panjang Tuai Rumah Lenus

Langkah memelihara dan pengekalan adat ini sememangnya giat dilakukan oleh semua masyarakat Iban terutamanya ketua adat ataupun ketua rumah. Ini kerana akibat daripada arus pemodenan yang berlaku dengan pesat telah menyebabkan adat sebegini semakin dilupakan. Ini kerana ketua adat mempunyai peranan yang penting terutamanya kepada golongan generasi muda dalam memelihara dan mengekalkan adat ini agar terus diwarisi. Tuai rumah juga perlu proaktif dalam memastikan semua adat dalam masyarakat Iban dapat dikekalkan. Sebagai contoh, mengadakan satu program lawatan ke rumah panjang yang lain dengan melibatkan semua penduduk

rumah panjang di kawasan rumah panjang.

Ketuai rumah haruslah bekerjasama dengan badan-badan NGO dan kerajaan seperti Parti Dayak dan Majlis Adat Istiadat Sarawak bagi mendapatkan maklumat dalam bentuk ilmiah untuk dijadikan bahan bacaan kepada masyarakat rumah panjang. Ini kerana ia dapat menjadi panduan terutamanya kepada golongan generasi muda serta mampu untuk menambah ilmu yang baru mengenai sesuatu adat seperti mempelajari tentang pantang larang sesuatu adat. Justeru itu, ia mampu memupuk generasi muda untuk melibatkan diri dalam mengetahui sesuatu adat kerana mereka mempunyai serba sedikit gambaran tentang adat tersebut melalui pembacaan mereka.

Selain itu, di peringkat sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak perlu mewujudkan satu silibus yang baru dalam buku teks Bahasa Iban iaitu silibus berkenaan adat mampu untuk memberi peluang dan ruang kepada para pelajar untuk mempelajari adat masyarakat Iban. Hal ini kerana kebanyakan golongan generasi muda pada masa kini tidak mengetahui tentang sesuatu adat terutamanya dalam adat ngulit. Oleh itu, melalui pembacaan, mereka akan mengetahui serba sedikit bagaimana adat tertentu dilaksanakan walaupun mereka tidak terlibat secara langsung.

Akhir sekali, ibu bapa turut memainkan peranan penting dalam memastikan adat ini dapat dipelihara dan dikekalkan. Ibu bapa hendaklah memberi pendedahan kepada anak-anak mereka tentang sesuatu adat. Ini kerana masyarakat Iban mempunyai adat yang pelbagai untuk diamalkan. Oleh itu, melalui pendedahan seperti memberi tunjuk ajar kepada anak-anak dapat memelihara dan mengekalkan adat ini.

5.2 CADANGAN DAN SARANAN

Adat Ngulit ini merupakan satu-satunya adat yang digunakan oleh masyarakat Iban apabila berlakunya kematian. Adat ini masih lagi kekal pada hari ini walaupun telah berlaku perbezaan antara adat ngulit lama dan adat baru. Setelah kajian ini dijalankan

dan memperoleh maklumat mengenai atur cara adat ngulit di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, pantang larang yang diamalkan sepanjang tempoh ngulit dan langkah memelihara dan pengekalan adat ini, pengkaji boleh memberikan beberapa cadangan dan pandangan mengenai adat ngulit ini.

5.2.1 Cadangan Di Peringkat Masyarakat

Dalam kalangan masyarakat Iban khususnya bagi negeri Sarawak, mereka adalah golongan yang dekat dengan adat ini dan sekaligus terlibat secara langsung dengan adat ini terutamanya yang tinggal di kawasan rumah panjang. Ini kerana setiap rumah panjang mempunyai ketua rumah yang memimpin rumah panjang tersebut terutamanya membimbing penduduk rumah panjang dalam sesuatu adat. Ketua rumah hendaklah mewujudkan satu program mengenai adat yang melibatkan semua penduduk rumah panjang. Oleh itu, ketua rumah panjang haruslah lebih proaktif dalam melestarikan adat ini agar berterusan.

Selain itu, masyarakat Iban hendaklah bekerjasama dengan badan-badan NGO Parti Dayak dan kerajaan untuk mendapatkan maklumat mengenai adat Iban dalam bentuk bahan bacaan. Ini kerana masyarakat Iban sangat terikat dengan adat dalam melakukan pelbagai perkara. Perkara ini secara langsung dapat menambahkan ilmu kepada masyarakat Iban terutamanya golongan muda untuk mempelajari sesuatu adat dan sekaligus dapat melibatkan diri dan mengetuai adat tertentu. Kesannya, masyarakat Iban akan lebih mengetahui adat mereka dengan lebih mendalam melalui pembacaan yang mereka lakukan.

5.2.2 Cadangan Di Peringkat Sekolah

Sekolah dan universiti merupakan sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam melahirkan golongan pelajar di samping menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan. Oleh itu, penambahan silibus tentang adat Iban dalam buku teks Bahasa

Iban di sekolah rendah dan sekolah menengah misalnya haruslah diwujudkan. Ini kerana ia mampu memberi peluang terutamanya kepada generasi muda untuk mempelajari adat-adat Iban. Berdasarkan maklumbalas responden terutamanya responden generasi muda, mereka menyatakan bahawa mereka hanya diajar cerita rakyat masyarakat Iban, kosa kata bahasa Iban dan main asal bansa Iban.

Penambahan silibus dalam buku teks Bahasa Iban sememangnya boleh dijadikan sebagai satu alternatif yang bijak agar para pelajar lebih dekat dengan adat Iban. Ia juga boleh memberi impak yang positif kepada para pelajar kerana mereka dapat membezakan atur cara dalam menjalankan sesuatu adat. Ini kerana tidak semua adat menjalankan upacara miring. Selain itu, ia juga memudahkan para pelajar dengan hanya merujuk buku apabila mereka terlibat dengan sesuatu adat. Ini secara tidak langsung dapat memberi keyakinan kepada para pelajar untuk mengetahui sesuatu adat kerana para pelajar pada masa kini amat jarang untuk mengetahui sesuatu adat kerana kurangnya ilmu mengenai adat tertentu.

Pengkaji percaya melalui bahan bacaan para pelajar lebih mudah untuk memahami sesuatu adat. Ini kerana segala atur cara mengenai adat Iban dapat mereka lihat dan baca dalam buku teks Bahasa Iban tersebut. Justeru, pengkaji dapat melihat dengan penambahan silibus mengenai adat Iban dalam buku teks Bahasa Iban ini mampu menarik minat para pelajar untuk mempelajari adat tersebut dan sekaligus melestarikan adat Iban.

5.2.3 Cadangan Di Peringkat Kerajaan

Adat yang diamalkan oleh masyarakat Iban ini perlulah dipelihara oleh kerajaan agar tidak pupus ditelan zaman. Kerajaan Negeri Sarawak misalnya perlu mencari inisiatif yang lagi berkesan khususnya dalam memperkenalkan adat Iban di peringkat antarabangsa. Adat ini bukan sahaja melibatkan adat ngulit semata-mata, malah banyak lagi adat Iban yang diperkenalkan ke persada dunia.

Selain itu, kerajaan juga berperanan dalam mempromosikan adat-adat masyarakat Iban kepada pelancong luar negara ataupun dalam negara. Ini kerana Negeri Sarawak mempunyai pelbagai adat resam yang unik seperti adat main asal masyarakat Iban. Oleh itu, ia dapat memastikan adat dan kebudayaan masyarakat Iban dapat diwarisi serta dipertahankan. Justeru, golongan muda terutamanya boleh menyertai kelab-kelab adat dan kebudayaan yang ada di Negeri Sarawak agar dapat melestarikan adat dan kebudayaan masyarakat Iban.

5.2.4 Penambahan Informasi Yang Lebih Banyak Mengenai Atur Cara Dan Maklumat Mengenai Sesuatu Adat Iban

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden masih tidak tahu dengan lebih mendalam mengenai adat Iban. Ini kerana kebanyakan adat hanya dapat diwarisi dan dipelajari secara turun-temurun. Jadi, keadaan ini telah menyebabkan segelintir masyarakat tidak yakin untuk mengetuai adat tertentu kerana lain tempat, lain cara untuk melaksanakan sesuatu adat. Masyarakat Iban juga takut akan malapetaka atau nasib buruk yang akan menimpa mereka jika adat tersebut salah ataupun terdapat kekurangan dalam mengatur adat tersebut. Justeru, penambahan informasi melalui media massa terutamanya dapat memberi serba sedikit info mengenai sesuatu adat Iban. Tambahan pula, media massa seperti televisyen, surat khabar dan media sosial dapat memudahkan masyarakat Iban berfikir dan membezakan sesuatu adat terutamanya dalam adat ngulit.

5.2.5 Menggunakan Kaedah Kuantitatif

Sepanjang pengkaji melaksanakan kajian berkaitan dengan adat ngulit masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, kaedah kuantitatif dan kualitatif adalah lebih sesuai untuk mendapatkan data serta info yang mendalam untuk kajian ini. Namun, pengkaji hanya menggunakan kaedah kualitatif kerana kaedah kualitatif tidak sesuai atas faktor kurangnya capaian akses internet yang

baik dan kebanyakan penduduk di rumah panjang tersebut buta huruf terutamanya golongan dewasa dan warga emas. Oleh itu, pengkaji terpaksa menggunakan kaedah kualitatif iaitu menemubual untuk mendapatkan data dalam melaksanakan kajian ini. Diharap pengkaji masa akan datang akan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif supaya pengkaji mampu mendapatkan data yang lebih terperinci daripada responden yang terlibat.

5.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam bab ini, penulisan yang telah dilakukan oleh pengkaji memberikan penjelasan yang menyeluruh mengenai bab-bab dalam penyelidikan ini. Ini adalah bab terakhir yang mana bertujuan untuk memastikan matlamat objektif kajian dapat dicapai. Dalam kajian ini, pengkaji telah mencapai objektif kajian bagi mengkaji adat ngulit kaum masyarakat orang Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Buktinya, masyarakat Iban di kawasan rumah panjang tersebut masih lagi mengamalkan adat ngulit apabila berlakunya kematian.

Selain itu, masyarakat di kawasan rumah panjang juga masih mengamalkan pantang larang yang telah dipraktikkan oleh nenek moyang mereka. Tambahan pula, pengkaji mendapat respon yang positif daripada golongan muda dalam usaha mengekalkan adat ngulit ini. Dalam kajian ini juga, hasil dapatan kajian juga dapat membantu pengkaji membezakan adat baru dan adat lama dalam mengatur adat ngulit. Namun, pantang larang masih lagi diamalkan sepertimana yang dipraktikkan sejak dari dahulu lagi. Menerusi kajian ini, jelaslah bahawa masyarakat di rumah panjang Tuai Rumah Lenus masih lagi mengamalkan adat ngulit ini walaupun majoriti masyarakat di kawasan rumah panjang tersebut mempunyai agama masing-masing terutamanya agama Kristian.

Pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah untuk memperolehi maklumat yang tepat mengenai adat ngulit masyarakat Iban ini menerusi proses pengumpulan

data melalui individu yang mengetahui adat ngulit dengan mendalam di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit.

Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji adalah pendekatan kualitatif kerana pendekatan ini dapat memperoleh maklumat secara langsung daripada individu yang terlibat dalam mengatur adat ngulit ini melalui proses temubual bersama mereka. Ini kerana responden yang ditemubual tersebut mempunyai maklumat yang tepat kerana mereka telah terlibat serta mengetahui adat ngulit di kawasan rumah panjang tersebut. Langkah pemeliharaan dan pengekalan adat ini juga dapat dilakukan iaitu dengan mengadakan program melawat ke rumah panjang yang lain dengan melibatkan semua penduduk rumah panjang.

Secara holistiknya, kesemua objektif kajian telah dicapai dan diharap agar kajian ini mampu menjelaskan bagaimana masyarakat di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus menjalankan adat ngulit ini dan pantang larang yang diamalkan sepanjang tempoh adat ngulit dijalankan di rumah panjang berkenaan. Selain itu, analisis yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa kebanyakan generasi muda tidak mengetahui secara mendalam mengenai adat ngulit ini. Ini kerana kurangnya pendedahan melalui ibu bapa mereka sehingga menyebabkan sesetengah daripada mereka tidak peka akan tujuan adat ngulit ini dijalankan. Dari segi atur cara adat ngulit, pantang larang yang diamalkan sepanjang tempoh ngulit dijalankan dan langkah memelihara dan pengekalan adat telah dijelaskan oleh pengkaji dengan mendalam dalam bab analisis data.

Adat ngulit ini merupakan salah satu adat yang unik dan penuh dengan sopan santun dalam menguruskan hal kematian. Ini kerana semua masyarakat di kawasan rumah panjang tersebut akan datang untuk membantu keluarga yang mengalami kesusahan tersebut. Ini secara tidak langsung akan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama mereka. Justeru, adat ngulit ini perlulah dipelihara dengan sebaiknya agar tidak hilang ditelan zaman.

Dalam bab ini dapat dirumuskan mengenai kajian yang telah dibuat iaitu Adat Ngulit dalam masyarakat kaum Iban di Sarawak, Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit yang mana mempunyai lima bab. Setiap bab yang dibuat oleh pengkaji berperanan menjelaskan pelbagai aspek seperti pengenalan secara ringkas, sorotan kajian, kaedah kajian dan sebagainya.

Dalam bab 1 merupakan kajian yang melibatkan pengenalan tajuk kajian yang telah dikaji. Bab ini akan menceritakan serba sedikit mengenai adat ngulit dalam masyarakat Iban di samping menjelaskan permasalahan kajian yang dihadapi seperti ketidakpedulian generasi kini terhadap adat '*ngulit*' dalam kalangan masyarakat Iban yang telah memberi kesan negatif kepada semua kaum atau bangsa dalam pengamalan adat dan pantang larang. Hal ini kerana masyarakat pada masa kini mempunyai agama tersendiri dan amalan adat serta pantang larang telah ditinggalkan serta tidak diwarisi lagi. Malahan, permasalahan kajian ini juga melibatkan ketulenan adat yang tidak dititikberatkan dalam kalangan masyarakat Iban pada masa kini akibat daripada arus pemodenan yang semakin pesat berlaku. Dalam bab ini pengkaji turut menjelaskan teori yang digunakan iaitu Teori Pendekatan Moral yang merupakan pengalaman yang dilalui manusia tertentu dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta dunianya termasuklah kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran membabitkan kekuatan ilmu pengetahuan dan daya kreativiti.

Aspek dalam bab 2 pula telah dijelaskan oleh pengkaji mengenai sorotan kajian lepas yang diperolehi hasil daripada kajian pengkaji lepas. Dalam bab ini, aspek yang dijelaskan berkaitan dengan adat kematian, kepercayaan kuno masyarakat Iban, upacara atau ritual kecil yang dilakukan semasa kematian, orang yang terlibat secara langsung dan tidak langsung serta hukuman yang berkaitan dengan hukum adat Iban. Ini kerana masyarakat Iban masih lagi percaya dengan kewujudan 'orang panggau'. Mereka percaya bahawa setiap adat yang dilaksanakan akan ada kedatangan 'orang panggau' tersebut. Terdapat juga beberapa upacara dan ritual yang dikaitkan dengan unsur mistik jika melanggar pantang larang yang telah ditetapkan. Akhir sekali, pengkaji menjelaskan barang yang wajib digunakan oleh 'tukang sabak' semasa

melakukan upacara 'sarak' seperti 'ilang' yang dipercayai sebagai 'kering semangat' (kebal) kepada mereka. Ini bertujuan untuk melindungi mereka daripada gangguan roh-roh jahat.

Seterusnya, dalam bab 3 membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji menyatakan kaedah yang sesuai adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah temubual. Ini kerana lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji tidak mendapat capaian internet yang baik dan kebanyakan orang tua di kawasan rumah panjang tersebut buta huruf. Melalui pendekatan kualitatif sebegini, pengkaji dapat memperolehi maklumat yang tepat untuk mencapai objektif yang telah dibuat. Selain daripada itu, bab 3 ini juga mempunyai rekabentuk kajian yang berperanan sebagai panduan bagi mencapai objektif kajian. Maklumat yang diperolehi dalam kajian ini mempunyai dua sumber iaitu sumber primer yang melibatkan temubual yang terbahagi kepada dua kategori iaitu orang yang terlibat dengan adat 'ngulit' dan golongan generasi muda di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit. Manakala, sumber sekunder ke atas buku-buku akademik, artikel, jurnal dan sebagainya.

Di samping itu, dalam bab 4 pula menjelaskan dapatan kajian dengan lebih menyeluruh dan mendalam. Maklumat yang diperolehi adalah hasil daripada temubual dengan orang yang terlibat dengan adat 'ngulit' terutamanya 'tuai rumah' serta golongan generasi muda di kawasan rumah panjang tersebut sehingga membolehkan pengkaji membuat analisis kajian berdasarkan maklumat temubual yang diperolehi berdasarkan objektif kajian. Pengkaji juga dapat menjelaskan adat lama dan adat baru dalam menguruskan kematian yang berlaku dalam masyarakat Iban serta menjelaskan langkah memelihara dan pekekalan adat dalam masyarakat kaum orang Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit.

Pengkaji juga berharap agar kajian yang telah dijalankan ini akan menjadi sumber rujukan dan dikaji oleh pengkaji lain kerana kajian mengenai adat ngulit masyarakat Iban ini sangat sedikit dijalankan berbanding dengan kajian lain. Oleh itu, kajian ini

sedikit sebanyak memberikan gambaran mengenai peranan orang yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam melaksanakan adat ngulit ini. Justeru, kerjasama daripada semua pihak amatlah diperlukan dalam melestarikan adat resam dalam negara kita agar tidak hilang begitu sahaja.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BIBLIOGRAFI

Abang Yusuf Puteh. 1996. *The Malay Mind*. Kuching: Shobra Publications Sdn. Bhd.
Adat Resam Penduduk Sarawak. 1988. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Affolter, Friedrich W. & Henry J. Findlay. 2002. "Assessment of Mobilization and Leadership Challenges in Azerbaijani IDP and Refugee Camps." *Convergence*, 35(4): 37-54.

Alimo-Metcalf, Beverley & Robert Alban-Metcalf. 2001. "The Development of a New Transformational Leadership Questionnaire." *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 74(1): 1-27.

Amee, J. 2015. *Seni Pembuatan Ilang dan Nyabur: Kebanggaan dan Simbol Masyarakat Iban di Sarawak*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.

Arwan dan Ahimsa (2004), *Terdapat Empat Jenis Simbol Atau Ikon Yang Dapat Dikenal Pasti dan Dikategorikan Sebagai Warisan Budaya*.

Bass, Bernard & Stogdill, Ralph. 1990. *Bass & Stogdill's Handbook of Leadership: Theory, Research, and Managerial Applications*. New York: Free Press.

Bass, Bernard, & Ronald Riggio. 2006. *Transformational Leadership* (2 ed.). Mahwah, New Hersey: Lawrence Erlbaum Associates.

- Becker, Gary. 1958. "Competition and Democracy." *Journal of Law and Economics*, 1:105-109.
- Brown, Ralph & Albert Nylander III. 1998. "Community Leadership Structure: Differences between Rural Community Leaders' and Residents' Informational Networks." *Community Development*, 29(1): 71-89.
- Chemaline, O. 2013. *Folklor Suku Kaum Iban: Distinktif, Ekstensif, Unik dan Tersendiri: Sang Budiman (Sebuah Festschrift bagi Menghormati Khidmat Profesor Emeritus Abdullah Hassan di Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris sedasawarsa, 2001-2011)*. Selangor: PTS AKADEMIA.
- Clifford, S. 2012. *Recaling the Dead, Revering the Ancestors: Multiple Forms of Ancestorship in Saribas Iban Society*. Dalam Couderc, P. dan Sillander K. (ed.). *Ancestors in Borneo Studies: Death, Transformation, and Social Immortality*. Copenhagen: Nordic Institute of Asian Studies Press. Hlm. 114-152.
- Edward, U. 2009. *Leka Main Iban*. Kuching: Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sarawak.
- Jeffrey, J. W. 2015. *Memories of Textiles Narratives: Iban Weavers Restoring Pua Kumbu Knowledge in Sarawak*. Gender Studies, FSS, University Malaya.
- Motey, B. B. dan Noria, T. 2016. *Ritual Miring dalam Masyarakat Iban di Sarawak*. Fakulti Seni dan Gunaan Kreatif: Universiti Malaysia Sarawak.

Norazit Selat. 2006. Perbilangan Adat Sebagai Pembentuk Jati Diri Melayu. Pandangan Semesta Melayu: Pantun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noria, T. 2014. Pua Indentiti dan Budaya Masyarakat Iban. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.

Noria, T. 2016. Nakar: Ritual Peralihan Status Penenun Pua Iban. Borneo Research Journal. Vol.10. Hlm. 68-9

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI INFORMAN

Encik Lenus, Tuai Rumah Lenus Nanga Ranan, Kanowit, pada tarikh 24 November 2021.

Encik Chrostopher John, Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, pada tarikh 24 November 2021.

Encik Clement Andah, Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, pada tarikh 24 November 2021.

Puan Intuk, Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, pada tarikh 24 November 2021.

Puan Timah, Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, pada tarikh 24 November 2021.

Matthew Larry Anank Robert, Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, pada tarikh 24 November 2021.

Alex Excellinton Penggiran, Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, pada tarikh 24 November 2021.

Etin, Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, pada tarikh 24 November 2021.

Ijan, Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, pada tarikh 24 November 2021.

Rapheal, Tuai Rumah Lenus, Nanga Ranan, Kanowit, pada tarikh 24 November 2021.

LAMPIRAN

SOALAN TEMUBUAL

ADAT NGULIT DALAM MASYARAKAT KAUM ORANG IBAN DI KAWASAN RUMAH PANJANG TUAI RUMAH LENUS, NANGA RANAN, KANOWIT

Soalan ini terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan yang terlibat dengan adat ngulit dan golongan generasi muda di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus.

OBJEKTIF 1: MENGENALPASTI BAGAIMANA ADAT NGULIT DALAM MASYARAKAT TUAI RUMAH LENUS, NANGA RANAN, KANOWIT

1. Bagaimanakah adat ngulit dijalankan dalam masyarakat Iban di kawasan rumah panjang Tuai Rumah Lenus?
2. Apakah persediaan yang perlu dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas berlangsungnya adat ngulit?
3. Apakah perbezaan adat ngulit yang menggunakan adat lama dan adat baru?

OBJEKTIF 2: MENGAJI PANTANG LARANG YANG DIAMALKAN SEPANJANG ADAT NGULIT DILAKSANAKAN DI KAWASAN RUMAH PANJANG TUAI RUMAH LENUS, NANGA RANAN, KANOWIT

1. Apakah pantang larang yang perlu diamalkan sepanjang adat ngulit dilaksanakan?

OBJEKTIF 3: MEMBINCANGKAN LANGKAH PEMELIHARAAN DAN PENGEKALAN ADAT DALAM MASYARAKAT KAUM ORANG IBAN DI KAWASAN RUMAH PANJANG TUAI RUMAH LENUS, NANGA RANAN, KANOWIT

1. Apakah langkah memelihara dan mengekalkan adat ini dalam masyarakat Iban?
2. Apakah peranan ‘Ketuai Adat’ dalam mempertahankan adat ngulit ini agar berterusan?
3. Apakah yang berlaku jika adat ngulit ini tidak diteruskan lagi?
4. Apakah halangan dalam mengekalkan adat ngulit ini?
5. Apakah pengekalan adat Ngulit ini memberi kesan positif terhadap anda?
6. Apakah langkah dan usaha yang perlu anda lakukan dalam mengekalkan adat ngulit ini?
7. Apakah perlu adat ngulit ini dikekalkan?